

Jilid I
Bil. 3



Hari Khamis
7hb November, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 151]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 173]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 174]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 196]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 7hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).**

„ **Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).**

„ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ **Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ **Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ **Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

„ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagol).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ P. NGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

Yang Berhormat TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

Yang Berhormat TUAN LUHAT WAN (Baram).

- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- ” TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- ” DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- ” TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- ” TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- ” TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- ” TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- ” TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- ” PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI
ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEGAWAI TERTINGGI PEKEMAS DILARANG KE SABAH

1. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa tiga orang pegawai tertinggi Pekemas iaitu sdr. Yunus Nawal, sdr. V. Veerappan dan Dr Tan Chee Khoon telah tidak dibenarkan masuk ke Sabah, jika ya, mengapa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, tiga orang yang tersebut pada waktu itu tidak mendapat kebenaran masuk ke Negeri Sabah dari Kerajaan Negeri itu iaitu Kerajaan yang berkuasa mengenai hal ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar, antara tiga orang itu seorang daripadanya ialah saudara V. Veerappan, bekas Ahli Dewan Rakyat ini, telah dibenarkan masuk ke Sabah pada bulan Jun sebagai seorang Select Committee, Marriage and Divorce Bill.

Selain daripada itu, saya sendiri telah dibenarkan masuk ke Sabah pada bulan Oktober tahun lalu sebagai seorang Ahli Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan jelaskan, jika pada bulan Jun tahun ini dan bulan Oktober tahun lalu antara tiga orang itu, dua orang dibenarkan masuk, apa sebabnya mereka tidak dibenarkan masuk ke Sabah pada 17hb September apabila mereka mohon kebenaran untuk melawat—bukan mohon izin untuk masuk ke Sabah, tetapi untuk melawat anggota-anggota kita yang ditahan di Kota Kinabalu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat saya hendak menjawab soalan ini kerana yang sepatutnya yang boleh memberi keterangan yang sepenuhnya apakah sebabnya adalah bertanggung di atas Kerajaan Negeri yang berkenaan. Tetapi yang terang kepada saya

sebagai agakkan sahaja bahawa keadaan itu telah berubah antara bulan Jun dengan bulan September mengenai kedudukan kedua orang pegawai yang tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan agaknya kedudukan dua orang yang hendak memasuki Sabah ada berubah. Adakah beliau bermaksud kedudukan saudara V. Veerappan dan saya sendiri di dalam masa ini, sebelum 17hb September telah menjadi orang jahat atau orang sabersif dan oleh sebab itu tidak dibenarkan masuk ke Sabah?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soal jahat atau baik yang dimaksudkan itu ada kaitannya dengan keadaan suasana pada masa itu, dan keadaan suasana itu adalah berubah-ubah, sebab pada hemat saya pangkat atau jawatan yang ditanggungkan kepada dua orang pegawai itu sudah mansuh pada bulan September.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar sekiranya seorang warganegara daripada Semenanjung Malaysia tidak dibenarkan masuk ke Sabah atau Sarawak, khasnya jika seorang yang dipilih oleh rakyat sebagai Ahli Dewan Rakyat ini tidak dibenarkan masuk ke Sabah atau Sarawak, maka ini boleh merusakkan nama baik Malaysia. Oleh sebab itu, Menteri yang berkenaan dan Kerajaan perlulah menyiasat perkara ini dengan teliti supaya Ahli-ahli Dewan Rakyat ini boleh dibenarkan pergi ke mana-mana tempat di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Soal atau pertanyaan "jika sekiranya" dan sebagainya dengan tidak tentu-hala; tidak payah dijawab.

PERKHIDMATAN BAS DI KUALA LUMPUR

2. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa bas-bas di Kuala Lumpur tiada mencukupi dan jika sedar, apakah tindakan-tindakan beliau akan ambil bagi membaiki keadaan ini.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa perkhidmatan bas di Kuala Lumpur

sekarang ini tidak begitu memuaskan, sebab ini—bukanlah disebabkan oleh kekurangan bas-bas bahkan oleh kerana pada masa-masa tertentu seperti waktu pagi hari dan selepas waktu pejabat pada petang hari jalan-jalan raya di Ibu Kota ini penuh sesak dengan berbagai-bagai jenis kenderaan-kenderaan. Keadaan ini menyebabkan perkhidmatan bas terganggu seperti terlambat dan tidak dapat mengikut jadual perjalanan yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah sentiasa berusaha bagi mengatasi masalah ini dan tindakan-tindakan telah, sedang dan akan terus diambil oleh Kementerian saya, Dewan Bandaraya dan juga pihak-pihak berkuasa yang lain bagi memperbaiki sistem jalan-jalan dan sistem lalu-lintas supaya masalah kepadatan lalu-lintas ini dapat dikurangkan dari masa kesemasa. Namun demikian usaha mengatasi soal ini adalah rumit oleh kerana kerja-kerja mengubah dan memperbaiki sistem yang ada ini adalah melibatkan banyak masalah-masalah yang lain seperti pengambilan tanah, meroboh bangunan, masalah kerja-kerja pembinaan dan lain-lain yang mana memerlukan masa yang panjang. Di samping itu juga Kerajaan adalah sentiasa mengkaji soal menambahkan bilangan bas dan teksi serta perkhidmatannya di kawasan Kuala Lumpur ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Adakah Menteri yang berkenaan sedar bukan sahaja bas ini kurang tetapi kata beliau tidak ada kurang. Adakah beliau sedar tidak berapa lama dahulu barangkali 3 minggu yang lalu pemandu-pemandu bas dari Len Bas tidak bersetuju membawa bas itu oleh sebab katanya bas tidak "road worthy". Kalau sekiranya bas itu diperiksa dengan teliti oleh Jabatan Pengangkutan maka bas itu semua boleh dikondemkan. Adakah beliau sedar keadaan ini terlampau buruk?

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini tak bersangkutan dengan soalan yang asal!

Dr Tan Chee Khoon: Soalan ini bersangkutan, oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, kalau bas.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang asal itu bertanya berkenaan dengan tak cukup bas. Ini bertanya berkenaan dengan bas buruk, bas kena kondem—begini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat pertanyaan saya semula.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Ahli Yang Berhormat, saya kata tak bersangkutan-paut kerana soalan lain.

Dr Tan Chee Khoon: Baiklah. Saya tukar soalan saya. Adakah Menteri yang berkenaan sedar kekurangan bas di Kuala Lumpur ialah beberapa buah bas tidak boleh digunakan oleh sebab bas itu rosak dan kalau beliau sedar, bolehkah beliau siasat perkara ini kerana kalau bas yang rosak digunakan ini akan merbahaya kepada orang yang menggunakan bas itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang semacam itu, saya boleh benarkan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi soalnya bukan kurang bas yang berkhidmat di Kuala Lumpur tetapi ialah disebabkan pada waktu pagi, waktu bekerja dan juga waktu petang yang menyebabkan begitu banyak kenderaan yang lain maka jalan-jalan raya kita di Kuala Lumpur ini kebanyakannya jadi begitu sesak. Jadi bas-bas itu tak dapat membuat begitu banyak pusingan seperti yang dijadualkan, itu soalnya.

Berkenaan dengan bas-bas yang dikatakan not road worthy itu memang pegawai-pegawai dari Kementerian saya dan juga dari Polis akan mengambil tindakan kepada kenderaan yang dianggap not road worthy.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberi jaminan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan boleh siasat dengan teliti kesemua bas-bas yang dijalankan dalam Bandaraya Kuala Lumpur oleh sebab pada pendapat saya kebanyakan bas-bas tidak road worthy?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya nyatakan tadi penyiasatan memang sentiasa dijalankan, tetapi kalau difikirkan perlu saya bolehlah berunding dengan pegawai saya supaya kami akan jalankan penyiasatan lagi.

TRAFFIC DISPERSAL SCHEME K.L./P.J.

3. **Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa sistem pengangkutan di

Kuala Lumpur sangat buruk dan jika ya, samada beliau akan membentuk sebuah Jawatankuasa Khas untuk mengkaji masalah ini dan sebelum itu apakah tindakan beliau akan ambil untuk membaiki keadaan yang buruk ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar keadaan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebagai satu daripada langkah-langkah mengatasi masalah ini, Kerajaan telahpun melantik satu pasukan Pakar Perunding Antarabangsa bagi mengkaji Dasar dan Perancangan lalu-lintas bagi kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Lapurannya baru sahaja disiapkan dan telah mengesyorkan kepada Kerajaan beberapa langkah-langkah tertentu, seperti berikut:

- (1) Pembinaan dan pembentukan satu Traffic Dispersal Scheme bagi Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang mengandungi satu jalan baru daripada Jalan Sungei Besi ke Jalan Kuching termasuk beberapa buah Interchange.
- (2) Mengadakan jalan-jalan bas yang berasingan, yang terutama ialah antara Bandar Baru Subang/Sungei Way ke Jalan Balai Polis.
- (3) Perlaksanaan Rancangan Pusingan Lalu-lintas sementara kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur (Interim Kuala Lumpur Central Area Circulation Plan).
- (4) Pembentukan Unit Kenderaan Awam dengan dua tugas utamanya untuk memastikan perkhidmatan kenderaan awam yang tinggi mutunya dan penggunaannya yang tinggi oleh orang ramai bagi kawasan Bandar Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan sekitarnya.
- (5) Mengadakan Undang-undang meletak kereta yang tertentu sebagai langkah menghadkan penggunaan kenderaan-kenderaan persendirian di kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan tadi sekarang ada satu pasukan Pakar Perunding Antarabangsa baru buat laporan kepada Kementeriannya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pasukan tersebut sudahpun membuat laporannya dan laporannya kita sudah terima.

Dr Tan Chee Khoo: Yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bolehkah laporan itu diumumkan supaya bukan Kementeriannya mengkaji perkara ini tetapi penduduk-penduduk di Kuala Lumpur pun hendak mengkaji laporan itu dan barangkali boleh buat syor-syor yang berguna kepada Kementeriannya—itu yang pertama. Yang kedua, tadi beliau ada menerangkan langkah-langkah yang Kerajaan sedang mengambil untuk mengatasi masalah ini. Apa yang saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan selain daripada jalan daripada Selatan ke Jalan Loke Yew, Jalan Kota Kinabalu dan Jalan Kuching ke Utara bolehkah beliau menjelaskan adakah lain by-pass road yang datang daripada Kelang seumpamanya hendak pergi ke Kuantan tak payah kereta itu masuk ke Kuala Lumpur tetapi kalau ada by-pass road terus boleh pergi ke Timur dan begitu juga lain by-pass road. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan Kementeriannya akan mengadakan by-pass road supaya kereta yang tidak perlu memasuki Kuala Lumpur boleh terus pergi ke mana-mana tempat?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat yang pertama, iaitu meminta supaya laporan ini diumumkan, cadangan itu Kementrian saya akan mengkaji. Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat mengatakan adakah jalan yang lain selain daripada Jalan Loke Yew dan satu dua jalan lagi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi untuk diadakan supaya kita dapat dispersal traffic dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya, kalau Ahli Yang Berhormat itu ingin hendak mengetahui segala-galanya, saya boleh tunjuk kepada Ahli Yang Berhormat dengan cukup detail. Sebenarnya pelan pun ada saya bawa bersama-sama di sini dan kalau Ahli Yang Berhormat ada masa, saya boleh tunjukkan semua pelan ini supaya kita boleh berunding bersama-sama kalau Ahli Yang Berhormat itu betul-betul interested (*Ketawa*) untuk mengatasi masalah ini.

SIJIL-SIJIL KEWARGANEGARAAN KEPADA BUKAN WARGANEGARA

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) apakah inisiatif-inisiatif baharu yang telah diambil oleh Kerajaan untuk

memudahkan pengeluaran sijil-sijil kewarganegaraan kepada bukan warga-negara memandangkan penubuhan perhubungan diplomatik di antara Malaysia dan China; dan

- (b) samada beliau sedar bahawa Kementerian beliau mengambil masa yang terlalu lama untuk menyiasat permohonan kewarganegaraan yang menggunakan Borang "G" dan jika ya apakah langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk mempercepatkan penyiasatan-penyiasatan itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan ini bermaksud oleh kerana sekarang kita ada perhubungan dengan negara Republik Rakyat China, maka kita mesti mengubah peraturan memberi kerakyatan. Saya minta perhatian bahawa perhubungan kita dengan negara itu tidak ada sangkut-paut langsung dengan soal peraturan memberi kerakyatan yang telah ditentukan oleh Perlembagaan dan yang telah ditentukan oleh undang-undang.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak memajukan soalan ini, saya suka mengingatkan bahawa soalan itu terikat kepada sensitive issue.

Soalan yang kedua telah pun dijawab pada 27hb November, 1973.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan soalan (b) permohonan-permohonan di bawah Borang "G", adakah Menteri yang berkenaan sedar ada pemohon yang ada surat beranak yang telah lulus peperiksaan Bahasa Malaysia, mereka telah berkahwin dan ada anak dan tiada polis rekod, tetapi malangnya saya tahu mereka menunggu sampai 3 tahun tidak dapat kerakyatan.

Tuan Yang di-Pertua: Kata Yang Berhormat Menteri soalan itu telah dijawab dengan sepenuhnya pada 27hb November, 1973. Saya syorkan Yang Berhormat kaji balik jawapan yang telah diberi itu. Kemudian jikalau hendak buat soalan akan datang, boleh.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya syorkan barangkali.

Tuan Yang di-Pertua: Ini ialah masa pertanyaan dan jawab. Kalau hendak syor, saya harap Yang Berhormat berhubung terus dengan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana antara perkara-perkara yang dibangkitkan dalam rundingan-rundingan antara pemimpin-pemimpin kita, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin PRC apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Negeri China ialah soal kerakyatan orang-orang di Malaysia yang tidak ada kerakyatan, dan kita pun dapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa perkara ini akan terus ditimbang atau dibincangkan antara kedua-dua pihak. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini kedudukan sekarang mengenai perkara ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Mengikut soalan asalnya. Tuan Yang di-Pertua, tidak berubah.

RUMAH HARGA MURAH

5. Tuan Fan Yew Teng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan setakat mana keperluan perumahan dikehendaki di kalangan orang yang miskin dan golongan pekerja dan samada rancangan besar-besaran seluruh negara sedang dirancang bagi mengadakan perumahan harga murah yang mencukupi untuk golongan berpendapatan rendah samada di kampung-kampung atau di dalam pekan-pekan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, pengkajian yang telah dibuat oleh Jabatan Perangkaan di bawah Kertas Pengkajian No. 6 dan 7 meliputi segala perangkaan terhadap keperluan-keperluan perumahan di Semenanjung Malaysia. Kerajaan mengetahui setakat mana keperluan-keperluan perumahan di kalangan orang-orang miskin dan kalangan pekerja dan Kerajaan mempunyai hasrat yang penuh untuk membina rumah-rumah murah bagi memenuhi keperluan golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Oleh hal yang demikian, Kementerian saya sedang bergiat

untuk mendirikan lebih banyak lagi rumah-rumah murah samada di Kampung-kampung Baru dan kampung-kampung atau di bandar-bandar. Untuk memenuhi hasrat ini wang sejumlah \$116.66 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan peruntukan bagi Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat dibuat setelah satu kajian dan perancangan yang teliti dijalankan.

Tuan Oh Keng Seng: Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu kepada Dewan ini bilangan kekurangan perumahan dalam Malaysia sampai masa sekarang?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Saya minta notis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kena beri notis dahulu, baru boleh dijawab kerana hendak mencari angka-angka itu.

Tuan Oh Keng Seng: Saya bertanya berkenaan peruntukan tadi

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan Yang Berhormat itu bertanya berapa bilangan rumah dan sebagainya. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab dia minta notis, kalau hendak bertanya. Maknanya kena bertanya dahulu lagi, itu maknanya "notis".

LALU-LINTAS DI KUALA LUMPUR—KAJIAN

6. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kementerianya telah mengupah pakar-pakar asing untuk mengkaji masalah lalu-lintas yang rumit di Kuala Lumpur dan lain-lain kawasan dalam Wilayah Persekutuan; jika ya, apakah keputusan kajian mereka.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telahpun saya berikan dalam jawapan kepada soalan nombor tiga tadi daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Jadi saya fikir tidak payahlah saya jawab lagi kerana jawapan itu sudah cukup lengkap.

PEKERJAAN DI PERUSAHAAN LETRONIK

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan keadaan sekarang dan akan datang perusahaan letronik dan kain di Malaysia, dengan

memberi butir-butir tentang pembuangan atau pengurangan tenaga kerja lalu membandingkan keadaan sekarang dengan awal tahun ini; dan samada Kementerian ini mempunyai satu rancangan konkrit untuk mengatasi masalah pengurangan lagi dan pembuangan dan pengurangan buruh dalam kedua-dua perusahaan ini dalam bulan-bulan yang akan datang.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan di perusahaan letronik telah terus bertambah bagi setengah tahun yang pertama. Semasa setengah tahun yang kedua, tambahan pekerjaan-pekerjaan telah berlaku dengan sedikit. Perusahaan tersebut telah diketahui membuang 341 pekerja-pekerja semenjak Ogos tahun ini. Enam buah tempat pekerjaan telah mengurangkan bilangan hari bekerja dalam seminggu supaya dapat mengelakkan pembuangan pekerja-pekerja. Di sebaliknya pula, sebuah kilang letronik yang baru di Selangor adalah sedang mengambil pekerja-pekerja. Kilang tersebut dijangkakan akan memberi sebanyak 700 pekerjaan apabila perusahaannya bergerak dengan sepenuhnya.

Perusahaan letronik, yang menitikberatkan eksport, adalah bergantung erat dengan gejala-gejala ekonomi di Eropah dan Amerika Utara, iaitu pasaran-pasaran bagi hasil-hasil pengeluaran mereka. Oleh itu, adalah sukar hendak meramalkan prospek-prospek di masa hadapan dengan tepatnya. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Mencegah recession di bawah Bahagian Perancang Ekonomi untuk mengkaji gejala-gejala ekonomi dunia dan juga ekonomi Malaysia dan melaporkan kepada Kerajaan untuk merangka tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Mengikut sebuah kajian baru-baru ini yang dijalankan dalam bulan Oktober, 1974, nampaknya keadaan pekerjaan di perusahaan kain tidaklah seburuk yang dikatakan. Di samping perubahan tenaga buruh yang berlaku dalam keadaan biasa, tiada apa-apa lapuran mengenai perubahan-perubahan penting dalam tenaga buruh yang ada terdapat dalam beberapa bulan yang lepas ini.

Walau bagaimanapun, ada didapati sedikit "recession" dalam perusahaan tersebut, walaupun keadaannya tidak "buruk".

Sebilangan kilang-kilang di Johor dan Perak yang menitikberatkan eksport sedang merasai kesan-kesannya. Mereka telah mengurangkan pengeluaran mereka, tetapi belum lagi membuang pekerja-pekerja mereka. Ini dapat dilaksanakan dengan cara mengurangkan bilangan "shift" dan bilangan hari-hari bekerja bagi semua pekerja-pekerja.

Adalah dikatakan bahawa tiada terdapat langsung permintaan-permintaan dari pasaran-pasaran seberang laut semenjak bulan April, 1974, bagi kilang-kilang yang menitikberatkan eksport. Walau bagaimanapun, setengah dari kilang-kilang ini telah mendapat pesanan-pesanan dari seberang laut pada permulaan tahun ini, dan ini akan dapat memberi kerja kepada pekerja-pekerja sehingga akhir tahun ini, dan mungkin juga sehingga suku-tahun yang pertama tahun hadapan.

Kerajaan adalah sedang mengkaji keadaan dengan telitinya. Ianya telah sementara itu memberhentikan sementara impot setengah jenis-jenis kain, dan ini adalah bertujuan menolong pengusaha-pengusaha tempatan mengatasi masalah mereka pada masa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini asas (basis) angka lebih kurang 300 orang pekerja-pekerja di kilang atau perusahaan letronik diberhentikan kerja untuk menunjukkan samada angka itu membayangkan gambaran yang sebenarnya samada angka-angka itu didapati daripada majikan-majikan mengenai retrenchment dan adakah angka-angka itu termasuk pekerja-pekerja yang dipaksa meletakkan jawatan sendiri oleh kerana keadaan-keadaan kerja yang sangat buruk?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka itu didapati dengan cara siasatan oleh Pengawal Buruh di Kementerian saya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ramai pekerja-pekerja kilang letronik yang diberhentikan kerja tidak dapat retrenchment pay atau cessation pay atau bayaran yang sepatutnya, dan bolehkah Kementeriannya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjamin bahawa setiap pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja dapat retrenchment pay yang sepatutnya?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan itu tidak kena-mengena dengan asas soalan ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan mengatakan ada 300 orang pekerja-pekerja letronik telah diberhentikan kerjanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan adakah Kementeriannya mengadakan criteria tentang retrenchment ataupun pembangunan pekerja ini iaitu seumpamanya last come first go dan lain-lain criteria supaya pekerja-pekerja yang bekerja lama tidak dibuang dan pekerja-pekerja yang baharu diambil diberhentikan kerja?

Datuk Lee San Choon: Ada, Tuan Yang di-Pertua, tetapi criteria itu tidak tetap dengan satu syarat sahaja, satu faktor sahaja—ada banyak faktor umpamanya prinsip last in first out ini ada banyak juga peserta yang tidak bersetuju atas prinsip itu.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa menurut *Utusan Malaysia* pada 14hb September, 1974 ramai gadis-gadis yang bekerja di dalam kilang-kilang letronik di Pulau Pinang termasuk kilang-kilang Atlas Letronik Sendirian Berhad dan Microsystem, apabila mereka diberhentikan kerja mereka dibayar saguhati \$10.00 sahaja dan kalau Yang Berhormat Menteri sedar, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah siasatan yang telah dibuat dan juga apakah tindakan yang sesuai telah diambil?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab atas hearsay walau dengan ada asas atau tidak berasas. Umpamanya baharu-baharu ini ada satu cerita katanya 700 orang pekerja di satu kilang letronik telah dibuang, diberhentikan kerja. Atas siasatan yang dibuat, kita dapat tahu cuma tujuh orang pekerja yang telah diberhentikan. Dengan itu saya tidak menjawab atas hearsay sahaja.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan. Saya berasa kesal. Ini bukan hearsay tetapi ialah daripada satu rencana istimewa yang duly signed oleh Jamaliah Bakar dalam *Utusan Malaysia* itu.

Datuk Lee San Choon: Itu hearsay.

RUMAH-RUMAH PEKERJA KILANG— BINAAN

8. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau ada membuat sebarang rancangan bagi membina lebih banyak rumah-rumah di seluruh negara bagi menampung pekerja-pekerja kilang dan golongan yang berpendapatan rendah yang sangat-sangat memerlukan perlindungan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kedua peruntukan berjumlah \$116.66 juta telah dibekalkan untuk melaksanakan Rancangan-rancangan Perumahan Awam di tiap-tiap negeri di Malaysia. Adalah diangapkan bahawa pada penghujung tahun 1975 bilangan yunit perumahan yang akan disiapkan akan berjumlah lebih kurang 15,221 yunit.

Berkenaan dengan perumahan untuk pekerja-pekerja kilang tindakan telah diambil oleh berbagai-bagai Kerajaan Negeri untuk merancang bagi maksud memenuhi keperluan itu dan pelan-pelan yang sesuai sedang disediakan untuk membina rumah-rumah pangsa bagi maksud tersebut.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berkata dalam tahun 1975 15,000 yunit perumahan akan disiapkan, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu angka di tiap-tiap negeri?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Saya harap dapat diberi notis.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pun hendak notis juga.

KADAR PINJAMAN BANK

9. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang menurunkan kadar pinjaman bank dan melonggarkan sekatan kredit untuk menggalakkan perniagaan dan perindustrian bergerak dan menghidupkan saham pasaran yang jatuh.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini akan disentuh di dalam

Ucapan Belanjawan saya pada 12hb November, 1974, maka saya tidak akan memberi jawapannya sekarang.

BEKALAN AIR KEPADA PEKERJA- PEKERJA ESTET

10. Tuan Lew Sip Hon minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada rumah buruh di ladang getah dan kelapa sawit yang menerima bekalan air yang tidak layak untuk diminum kerana kotor. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar yang ada terdapat ladang-ladang getah dan kelapa sawit yang membekalkan air yang tidak layak diminum kepada pekerja-pekerjanya. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memaklumkan saya akan ladang-ladang yang berkenaan, saya akan menentukan tindakan yang awal diambil oleh pegawai-pegawai di Kementerian saya.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam lawatan saya di kawasan saya ada beberapa buah ladang, khasnya ladang yang kecil dan sederhana di mana bekalan air itu sangat kotor. Sebab ini kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hendak tahu butir-butir berkenaan dengan ladang itu saya akan maklumkan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, tidaklah bertanya soalan, cuma pengesyoran sahaja.

LETRIK DI KAMPUNG-KAMPUNG KELANG—BEKALAN

11. Tuan Lew Sip Hon minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada banyak kampung-kampung di sekitar Kelang, lebih kurang 7 atau 8 batu dari Bandar Kelang, yang tiada bekalan lampu letrik. Jika ya, apakah syarat-syarat logistika (Logistics) yang dikehendaki oleh pihak yang berkenaan supaya membolehkan bekalan letrik itu dibekalkan untuk sesebuah kampung yang berdekatan dengan bandar.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada kampung-kampung di sekitar Kelang, lebih kurang 7

atau 8 batu dari Bandar Kelang, yang belum dibekalkan letrik lagi. Berkenaan dengan syarat-syarat logistika bagi mengadakan bekalan letrik untuk kampung-kampung ini adalah mengikut keutamaan-keutamaan yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Daerah melalui Majlis Tindakan Negeri dan Pegawai Kemajuan Negeri kepada Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan supaya projek-projek yang telah dikemukakan boleh dilaksanakan oleh pihak Lembaga Letrik Negara. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan berusaha untuk memberi kemudahan bekalan letrik ke kawasan luarbandar di seluruh Malaysia. Keperluan kemudahan-kemudahan bekalan letrik di luarbandar telahpun dilipatgandakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ini. Dengan adanya keadaan seperti ini, Kerajaan sedang melaksanakan segala projek-projek bekalan letrik dengan beransur-ansur, sehingga semua mendapat bekalan itu.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus! (*Ketawa*).

Tuan Lew Sip Hon: Adakah Menteri yang berkenaan sedar di kampung Melayu di luar dari sekitar Bandar Kelang cuma 4-5 batu jauh sahaja ada beberapa kampung di sebelah kiri ada bekalan letrik, tetapi di sebelah kanan tidak ada. Maksudnya orang yang duduk di sebelah sana nampak orang sebelah sini ada bekalan letrik, cuma dia tengok sahaja. Ini telah menimbulkan perasaan yang tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya jalan di sebelah kanan ada api, sebelah kiri tidak ada api. Barangkali orang itu tidak minta masuk api (*Ketawa*). Jadi, orang yang tidak dapat api keciwa, kerana berada dalam gelap.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Sebagaimana yang saya terangkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sedar perkara ini memang ada, tetapi perlaksanaan projek ini adalah mengikut keutamaan dan menerusi Majlis Tindakan Daerah dan Pegawai Kemajuan Negeri. Jikalau Yang Berhormat berfikir ada satu kampung yang betul-betul memerlukan letrik, apatah lagi kalau kampung itu di dalam kawasan Yang Berhormat dan mengomel kerana tidak diberi letrik, saya berharap Yang Berhormat mengemukakan

perkara itu kepada Majlis Tindakan Daerah supaya perkara itu akan dikemukakan kepada Kementerian untuk diluluskan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Menteri berkenaan sedar bukan kampung-kampung yang sekitar Kelang sahaja, tetapi kampung-kampung lain, umpamanya, Kampung Sungai Penchala yang sekarang dalam Wilayah Persekutuan tidak ada bekalan letrik dan perkara ini pun dibangkitkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini perkara am. Yang Berhormat Menteri sudah jawab dengan terang perkara letrik ini. Jadi tidak payah kita merugikan masa lagi.

KERAKYATAN MALAYSIA— PEMOHON

12. Tuan Lew Sip Hon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa ada beberapa pemohon kerakyatan Malaysia yang telah lulus dalam ujian Bahasa Malaysia belum lagi mendapat sebarang jawapan dari pihak yang berkuasa selepas enam bulan atau lebih. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan dibuat untuk mempercepatkan urusan tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan dalam ujian bahasa hanya merupakan syarat permulaan, yang dikehendaki sebelum sesuatu keputusan dibuat atas satu-satu permohonan itu. Beberapa keterangan dan butir-butir yang lain adalah diperlukan sebelum sesuatu permohonan itu dapat dipertimbangkan. Mengikut pengalaman di Jabatan Pendaftaran untuk mendapatkan keterangan dan butir-butir yang diperlukan itu memakan masa yang panjang, bahkan ada juga berlaku lebih daripada 6 bulan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Menteri yang berkenaan mengatakan syarat ujian bahasa itu syarat permulaan sahaja, tetapi ada lain syarat-syarat yang perlu dipenuhi. Adakah Menteri berkenaan sedar ada ramai pemohon yang telah lulus peperiksaan ataupun ujian bahasa, tidak ada rekod polis dan telah berkahwin dan ada anak-isteri tetapi menunggu bukan 6 bulan, bahkan lebih daripada 2-3 tahun, malangnya dia tidak mendapat kerakyatan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Adalah diingatkan bahawa kerakyatan itu bukan hak, walaupun lulus ujian bahasa dan lain-lain—bukan hak. Jadi, barangkali ada juga syarat-syarat yang tidak dipenuhi, ataupun didapati bahawa orang itu tidak patut menjadi rakyat.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri mengatakan barangkali pemohon itu tidak memenohi satu atau dua syarat yang mereka tidak tahu. Bolehkah Jabatan Pendaftaran apabila menolak atau tidak beri kerakyatan kepada pemohon itu beritahu kepada mereka apakah syarat yang mereka perlu memenohi sebelum mereka dapat kerakyatannya?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Perkara ini adalah diatur di dalam Perlembagaan cara-caranya, dan biasanya sekiranya perkara ini berkurangan, Jabatan Pendaftaran memberitahu dengan sepenuhnya kehendak-kehendak mengikut borang.

JAWATANKUASA KAJIAN SEMULA PELAJARAN—KOMPOSISI

13. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang dengan serius menambahkan lagi komposisi Jawatankuasa Kajian Semula Pelajaran yang telah ditubuhkan baru-baru ini untuk menyertai pakar-pakar pendidikan, pakar-pakar sains sosial, guru-guru, wakil-wakil ibubapa dan wakil-wakil pelajar supaya mengadakan satu kajian semula yang lebih komprehensif dan bermakna.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, komposisi Jawatankuasa Menteri ini adalah memadai. Di samping itu Jawatankuasa ini telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Kerajaan daripada berbagai-bagai Kementerian yang berkaitan dan juga wakil-wakil daripada Persatuan Guru-guru; Persatuan Ibu-bapa; badan-badan agama, pakar-pakar pendidikan dari universiti-universiti dan lain-lain orang yang berminat dalam bidang pelajaran. Selain daripada itu, orang ramai dan semua pertubuhan-pertubuhan yang berminat di dalam bidang pelajaran boleh memberi pendapat mereka kepada Jawatankuasa ini melalui memorandum. Ini

bermakna bahawa semua pihak dapat mengambil bahagian dalam kajian pelaksanaan dasar pelajaran dan menasihati Jawatankuasa Menteri. Memandangkan kepada susunan kerja ini adalah difikirkan bahawa tidaklah mustahak memperluaskan lagi keanggotaan Jawatankuasa Menteri tersebut.

UCAPAN-UCAPAN SENSITIF— PILIHANRAYA

14. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) dalam pilihanraya kebangsaan yang baru lepas, samada terdapat ucapan-ucapan di rapat-rapat umum pilihanraya yang telah menyentuh perkara sensitif; sekiranya ada, nyatakan dari parti manakah ucapan sensitif itu dibuat dan sudahkah tindakan diambil terhadap mereka; dan
- (b) samada poster-poster atau tulisan yang terdapat sewaktu kempen pilihanraya dahulu yang mengandungi perkara-perkara yang boleh dikatakan sensitif bagi satu-satu kaum dalam negara kita; sekiranya ada, nyatakan parti manakah yang bertanggungjawab terhadap poster seperti itu dan samada tindakan telah diambil terhadap mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terlalu banyak ucapan rapat umum yang telah dibuat dalam pilihanraya yang lalu, maka sehingga hari ini Kementerian ini belum lagi selesai menyemak dan mengkaji semua ucapan-ucapan tersebut untuk membuat penentuan samada terdapat ucapan sensitif yang bersalahan dengan Akta Hasutan atau undang-undang negara. Walau bagaimanapun, setakat ini ucapan-ucapan yang telah selesai disemak dan dikaji tidak ada unsur-unsur yang bercanggah dengan Akta Hasutan.

Bagi menjawab soalan (b) hanya satu kes sahaja berkaitan dengan poster pilihanraya telah didakwa di mahkamah di bawah Akta Hasutan. Tuduhan itu dibuat terhadap seorang Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat dari Parti Tindakan Demokratik (DAP).

KOLEJ MERDEKA PENDAFTARAN

15. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian

beliau sudah menerima permohonan pendaftaran "Kolej Merdeka" jika ada sudahkah Kerajaan luluskan pendaftarannya dan jika tidak, mengapa.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima permohonan daripada Lembaga Pengarah Merdeka Universiti Sendirian Berhad untuk mendaftarkan sebuah yayasan pelajaran yang dinamakan "Kolej Merdeka". Permohonan ini tidak dapat diluluskan kerana yayasan-yayasan swasta seperti ini tidak selaras dengan hasrat Kerajaan hendak mewujudkan satu masyarakat yang bersatu-padu dan mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan berkenaan permohonan daripada Kolej Merdeka Sdn Bhd yang ditolak oleh sebab tidak selaras dengan dasar pelajaran di tanahair kita. Adakah di dalam permohonan ini dinyatakan bahawa mereka cuma boleh mengambil penuntut-penuntut daripada satu kaum sahaja atau daripada semua kaum? Kalau daripada semua kaum, mengapakah Kolej Merdeka ini tidak selaras kepada dasar pelajaran negeri kita?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kolej Merdeka ini tidak selaras dengan hasrat Kerajaan hendak mewujudkan satu masyarakat yang bersatu-padu, bukan dengan kerana mereka tidak ingin mengambil penuntut-penuntut daripada semua kaum.

LESEN MEMANDU/BAYAR CUKAI JALAN

16. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Shukor minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar akan kesusahan orang ramai hendak mendapatkan lesen memandu baru atau hendak membaharui di Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Alor Setar. Mereka terpaksa berbaris panjang hingga keluar pejabat itu berjemur panas berjam-jam kadang kala dari pagi hingga ke petang jika ya, apakah langkah segera untuk mengatasinya yang telah diambil.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kesusahan orang ramai hendak mendapatkan lesen memandu, membayar cukai jalan atau menukar hak-milik kereta di Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Alor Setar. Sebagai langkah mengatasi masalah ini sebuah bangunan pejabat yang baru sedang dalam rancangan pembinaannya bagi menggantikan pejabat yang ada sekarang. Tapak bagi bangunan baru sudah pun ada dan tawaran untuk membina bangunan tersebut telah dipanggil dan sedang dalam kajian. Kementerian saya akan berusaha sedaya upaya bagi mempercepatkan pembinaannya.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Shukor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa mesyen cetak di atas Lesen-lesen Pemandu atau mesyen yang dibaharui hanya satu sahaja di Pejabat Pendaftaran Kereta-kereta Motor di Alor Setar itu? Jika sedar, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang hendak menambahkan mesyen cetak yang tersebut.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara ini, tetapi saya akan periksa dan jikalau perlu, kita akan tambah mesyen tersebut.

PINJAMAN BELI RUMAH PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

17. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Shukor minta Menteri Kewangan menyatakan kadar kelayakan meminjam untuk membeli rumah bagi pegawai-pegawai Kerajaan termasuk mereka yang dalam golongan berpendapatan rendah, memandangkan harga rumah yang tinggi sekarang ini dan nyatakan samada Kementerian beliau bercadang hendak menimbangkan semula kadar kelayakan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, kadar-kadar kelayakan meminjam untuk membeli rumah bagi pegawai-pegawai Kerajaan bergantung kepada peringkat gaji masing-masing yang dibahagi kepada 22 peringkat; serendah-rendahnya \$6,000 dan selebih-lebihnya \$85,000. Membacakan satu persatu kadar kelayakan akan mengambil

masa yang panjang Dewan ini dan oleh demikian akan disampaikan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Soal mengkaji semula kadar kelayakan meminjam ini adalah di dalam timbangan Kerajaan.

BUMIPUTRA DALAM PENGEDARAN BARANG-BARANG

18. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Shukor minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat 30% daripada barang-barang keluaran kilang tempatan dan barang-barang impot disalurkan oleh pihak swasta melalui pembahagi-pembahagi bumiputra dan bolehkah dinyatakan kadar peratusnya yang telah dicapai setakat ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha telah diambil dan akan terus diambil oleh pihak Kementerian untuk menambahkan lagi penyertaan bumiputra dalam lapangan pengedaran barang-barang samada barang-barang keluaran kilang tempatan ataupun barang-barang yang diimpot untuk mencapai matlamat sekurang-kurangnya 30% barang-barang tersebut disalurkan melalui pembahagi-pembahagi bumiputra.

Pemasaran barang-barang keluaran tempatan buat masa ini adalah dibuat dengan dua cara iaitu sistem agensi dan pasaran terbuka (open market). Tumpuan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah diberi kepada barang-barang di mana sistem pemasarannya adalah tertakluk kepada sistem agensi kerana barang-barang yang disalurkan melalui pasaran terbuka (open market) adalah bebas didapati oleh mana-mana pengedar.

Bagi pengilang-pengilang yang masih belum lagi ada pengedar-pengedar bumiputra, Kementerian ini telah meminta mereka mengadakan rancangan khas (blue-print) bagi menggalakkan penyertaan bumiputra dalam lapangan pengedaran barang-barang keluaran mereka. Setakat ini beberapa buah syarikat swasta telah memberi sambutan yang menggalakkan dan Kementerian ini akan terus mendesak syarikat-syarikat yang belum lagi mengemukakan rancangan mereka supaya dapat berbuat demikian.

Di samping itu sejak tahun 1971 pihak Kementerian juga telah mengenakan syarat kepada pengilang-pengilang yang diberi kelulusan supaya mendapat persetujuan Kementerian ini terlebih dahulu sebelum melantik mana-mana pengedar bagi memasarkan barang-barang keluaran mereka di pasaran tempatan.

Mengenai pertanyaan berkenaan dengan kadar peratusnya pengedar di kalangan bumiputra tentang barang-barang keluaran kilang tempatan dan juga barang-barang yang diimpot, maka suka saya menerangkan di sini angka peratus yang dapat Kementerian kumpulkan iaitu di dalam perkara barang-barang keluaran kilang tempatan:

Barang-barang keluaran kilang tempatan:

Jenis Barang	% yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat bumiputra
1. Gula (sugar)	10
2. Tepung gandum (wheat flour) ...	10
3. Susu (sweetened condensed milk)	6
4. Batang-batang besi (Mild steel round bars)	30
5. Simin (cement)	14
6. Cuka getah (formic acid) ...	15
7. Rokok (cigarettes)	4

Dan berkenaan dengan barang-barang yang diimpot pengedaran di kalangan bumiputra adalah mengikut angka peratus yang berikut:

Barang-barang yang diimpot:

Jenis Barang	Bumiputra Banyak	%
1. Makanan haiwan (animal feed) yang diedarkan oleh bumiputra	1,915.50 tan atau	9.2
2. Dedak beras (rice bran)	15,161.00 tan	19.9
3. Baja ikan (fish meal) ...	1,086.00 tan	9.8
4. Kobis (cabbages) ...	17,780.38 tan	88.5
5. Garam Kasar (rock salt)	17,575.00 tan	49.7
6. Garam halus (table salt)	633,647 lb	37.3
7. Payong (umbrellas) ...	710 doz	12.8
8. Dawai besi (wire ropes)	145.00 tan	2.9

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Shukor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada pihak swasta yang mengelakkan diri bila diminta oleh pihak bumiputra menjadi wakil pembahagi, dijawabnya bahawa tempat yang berkenaan itu telah ada wakil. Tetapi dalam masa menjawab itu pihak swasta tidak menghantarkan salinan jawapannya kepada

Kementerian sedangkan pihak bumiputra yang memohonnya telahpun menghantarkan surat permohonan salinan kepada Kementerian yang berkenaan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:
Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar terhadap perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi saya sukacita menyatakan bahawa perkara yang seperti ini mungkin berlaku oleh kerana ada kenyataan pada kita bahawa setengah-setengah pengeluaran barang-barang ini adalah selama ini mempunyai pengedar tradisi ataupun yang lama yang cuma diberi kuasa mengedar pada tempat-tempat yang berkenaan. Tetapi kalau ada pihak lain yang memohon supaya menjadi pihak pengedar di kawasan yang tertentu, jikalau sekiranya tidak ada tambahan dalam bilangan pengedar-pengedar di kawasan tersebut maka tentulah permohonan yang semacam itu tidak mendapat layanan daripada pihak-pihak pengeluaran yang berkenaan. Tetapi saya sukacita dan berterima kasih kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dapat memberitahu pada saya di atas nama pengedar-pengedar yang berkenaan yang disebutkan tadi.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAH- KAMAH KEADILAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Keadilan, 1964; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SARAWAK) (PINDAAN) (NO. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab. 90); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK PEMBANGUNAN ISLAM

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menguatkuasakan suatu perjanjian antarabangsa mengenai penubuhan dan pengendalian Bank Pembangunan Islam dan untuk membolehkan Persekutuan menjadi anggotanya dan untuk membuat peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat". (6hb November, 1974).

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Mukah menyambungkan ucapan beliau semalam dalam masa dua tiga minit lagi.

Perbahasan disambung semula.

3.35 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, sekarang seperti yang kita ketahui rakyat yang bekerja balak telah banyak kehilangan pekerjaan disebabkan perusahaan mengeluarkan balak banyak yang ditutup begitu juga kilang-kilang papan cuma bekerja 3-4 hari sahaja dalam seminggu, dan ada juga yang berhenti kerja disebabkan kemerosotan harga kayu-kayan yang dihantar keluar negeri sekarang. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya menggalakkan rakyat di negeri Sarawak menanam padi luar musim bagi menampung kekurangan beras yang begitu banyak serta dapat memberi pekerjaan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan seperti yang saya terangkan pada awal tadi.

Kebetulan pula penduduk-penduduk itu kebanyakannya bumiputra dari kawasan saya daerah Mukah dan Dalat juga saya merayu kepada pihak yang berkenaan samada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri Sarawak supaya melonggarkan sedikit peraturan serta memberi layanan segera kepada rakyat yang memohon tanah Kerajaan untuk tempat bercucuk tanam supaya dapat mengurangkan bebanan inflasi yang dipikul oleh rakyat sekarang terutama sekali yang duduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kami di Sarawak adalah berharap segala sesuatu kepada Kerajaan Pusat untuk memberi bantuan di semua bidang. Walaupun Negeri Sarawak dikenal sebagai negeri yang paling luas kawasan tanahnya serta mempunyai hasil bumi yang kaya seperti minyak yang sedang diusahakan sekarang dan saya yakin lebih banyak lagi yang menunggu untuk diusahakan yang menjadi harapan kita semua iaitu PETRONAS yang diberi kuasa memiliki bagi memajukan perusahaan petrolium di negara ini. PETRONAS juga mengadakan biasiswa pelajaran yang begitu banyak yang ada kaitan dengan perusahaan petrolium. Oleh itu, saya percaya rakyat Malaysia di Sarawak tidak ketinggalan untuk mendapat biasiswa pelajaran yang berkenaan

bagi kemajuan perusahaan petrolium yang sangat-sangat penting di zaman kemajuan sains dan teknologi yang boleh mengubah keadaan rakyat dan negara seluruhnya.

Mengenai kesihatan pula, saya menarik perhatian Kementerian yang berkenaan supaya membina sebuah hospital daerah untuk Daerah Dalat/Batang Oya bagi kepentingan rakyat di situ. Sekarang terdapat sebuah Hospital Daerah Mukah yang dilengkapi dengan alat perkakas modern serta dua orang doktor dan sekarang sedang diperbesarkan lagi bagi bangunannya yang menjadi lambang kesihatan di situ yang juga menjadi tumpuan rakyat dalam Daerah Dalat sejauh 40 batu untuk mendapat rawatan doktor. Apa yang membimbangkan rakyat di Daerah Dalat ialah cara perhubungan untuk sampai di Mukah adalah agak sukar sejauh 20 batu terpaksa menaiki bot dan selepas itu menggunakan jalanraya yang tidak begitu baik keadaannya yang pernah saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali yang sudah. Dari Dalat ke Hospital Besar Bandar Sibul sejauh 60 batu dengan menggunakan perhubungan sungai sahaja. Apa yang sukar ialah untuk melalui terusan Sungai Kot atau yang dikenali dengan Kot Canal sejauh 6 batu apabila masa air kering payah untuk dilalui oleh sampan kecil sekalipun kerana airnya cetek. Perkara seperti inilah yang mendesak rakyat di Batang Oya memohon untuk mendapat sebuah Rumah Sakit Daerah yang lengkap dengan alat perkakas serta doktor bagi kepentingan 20,000 jiwa rakyat di situ. Sekarang daerah baru Dalat mempunyai sebuah gudang ubat yang agak lama dan seorang jururawat kanan yang bertugas di situ. Kadangkala doktor melawat dalam masa yang singkat sahaja bagi memberi rawatan perlu biasanya menggunakan helikopter.

Dalam bidang jalan-jalan raya dan jambatan di kampung yang di bawah jagaan Majlis Tempatan dan Majlis Daerah seperti yang terdapat di kawasan saya adalah mendukacitakan rakyat. Apa yang saya tahu sekarang, Majlis Tempatan yang berkenaan tidak berdaya untuk menunaikan tanggungjawab memperbaiki jalanraya dan jambatan di kawasan kampung. Walaupun demikian baru-baru ini Jabatan Kerja Raya, Mukah mulai mengatur dan membesarkan jalanraya kampung yang penting seperti menuju Kampung Petanak, Kampung Tellian dari

Pekan Mukah sejauh tiga batu dengan menggunakan pasir yang dibawa dari tepi pantai laut Mukah. Saya berharap supaya Jabatan yang berkenaan itu membuat dan memperbaiki jalan-jalan dan jambatan di kawasan kampung yang lain di mana Majlis Daerah tidak berupaya untuk menunaikan tanggungjawabnya supaya rakyat di kampung juga tidak begitu ketinggalan untuk menjejak kaki di jalan yang baik di zaman pembangunan yang merupakan satu kemajuan di seluruh bandar-bandar besar di dalam Malaysia ini.

Dalam bidang pelajaran dan kemajuan sains dan teknologi serta melahirkan warganegara yang berakhlak tinggi, ini adalah satu perkara yang sangat penting bagi kemajuan dan perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Saya rasa, jika tidak ada perpaduan di antara rakyat negara ini sudah barang tentu kemajuan yang dirancangan itu tidak akan meninggalkan kesan yang baik untuk masa hadapan bangsa dan negara kita yang dicintai ini. Bagi kami rakyat dari luar bandar dapat membuktikan iaitu pelajaran agama adalah salah satu perkara yang penting untuk memupuk pembangunan kerohanian di kalangan muda mudi. Dari itu, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya elaun Imam dan pegawai-pegawai masjid seperti yang terdapat di banyak daerah di Sarawak diberi pertimbangan yang wajar, kerana mereka inilah kadangkala sebagai guru sukarela mengajar dan memberi nasihat kepada muda mudi di kampung luar bandar sejajar dengan perinsip Rukunegara.

Pada akhirnya, suka saya menyentuh sedikit perkara Pilihanraya Nasional baru-baru ini di kawasan saya. Kawasan pilihanraya saya sejumlah besar pengundi adalah yang dikatakan buta-huruf, lebih-lebih lagi di kalangan orang yang sudah meningkat umur lebih 50 tahun, dari berbagai kaum. Apa yang mendukacitakan saya ialah pihak yang tidak bertanggungjawab membawa salinan photostat Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak mengenai Land Bill ke rumah-rumah panjang bagi modal kempen Pilihanraya Nasional telah dengan sengaja disalahgunakan dan diberi tafsiran yang tidak betul dengan mengatakan pihak Kerajaan akan mengambil tanah rakyat terutama tanah dusun yang tidak disukat dan tidak mempunyai Surat Kepala Tanah untuk membuat jalanraya dan rancangan seperti

menanam kelapa sawit. Perkara ini terbukti apabila saya sendiri berjumpa dengan salah seorang yang membawa salinan surat tersebut di satu rumah panjang di Daerah Dalat pada pertengahan bulan Ogos di masa kempen Pilihanraya Nasional dijalankan.

Apabila saya bertanya kepada orang itu: "Adakah awak tahu apa kata dalam surat ini?" Dia menjawab: "Awak boleh baca sendiri." Seterusnya salinan Land Bill itu diberinya kepada saya di hadapan ramai orang-orang yang diam di rumah panjang itu yang dihadiri juga oleh dua orang Councillor yang duduk di situ. Perbuatan propaganda seperti ini menghina nama-nama pemimpin Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak yang mendapat mandat dari rakyat yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab itu adalah tidak dapat disangkal lagi oleh kerana sebahagian dari rakyat kawasan saya itu datang berjumpa saya untuk mendapat penjelasan yang sebenarnya, dan setengah dari rakyat yang buta-huruf itu merasa hairan oleh sebab mereka sendiri telah menerima wang bayaran gantirugi tanah dusun serta pokok-pokok tanaman mereka dari pihak yang berkenaan sampai hampir \$40 ribu seorang untuk tempat rancangan menanam kelapa sawit di Ulu Mukah dan begitu juga tanah dusun dan tanaman yang lain terkena jalanraya Ulu Mukah/Bintulu, semuanya dibayar gantirugi yang berpatutan.

Dengan cara yang bermacam tipu helah, dusta yang dibuat oleh orang yang tidak bertanggungjawab itu, membabi buta rakyat yang tidak begitu faham perkara yang sebenarnya. Lebih-lebih lagi perkara inflasi yang dihadapi oleh dunia sekarang yang menjadikan harga barang-barang keperluan di negara kita melambung naik. Inilah salah satu senjata utama bagi orang yang tidak bertanggungjawab seperti yang saya maksudkan ini menghina Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak yang sah dipilih oleh sebahagian besar rakyat berbagai kaum di negara ini.

Walaupun begitu propaganda yang mereka lakukan namun Barisan Nasional telah menang 100% di kawasan saya iaitu 2 Kerusi Dewan Undangan Negeri dan 1 Kerusi Dewan Rakyat yang saya duduki sekarang dengan majoriti yang banyak. Saya berharap khasnya rakyat Negeri Sarawak sedar dan insaf atas janji manis yang dibuat oleh orang

yang tidak bertanggungjawab itu di masa Pilihanraya Nasional yang baru lalu. Saya berani berkata di dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan Barisan Nasional baik di peringkat Negeri atau Pusat adalah bersifat adil dan bertimbang rasa kepada semua golongan rakyat negara ini.

3.48 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap tentang usul yang dikemukakan oleh Wakil dari Padawan, dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya dan parti saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anda dan kepada Timbalan Yang di-Pertua atas pemilihan mereka.

(*Dengan izin*): Mr Speaker, Sir, on the surface of it, the Barisan Nasional has won an overwhelming victory in the last elections, getting 135 seats out of 154 seats with the Opposition getting only 19 seats. This works out to 88.3% of the seats for the Government. But if we look at the absolute numbers that the Barisan Nasional has gained, the figures show that the Barisan Nasional has got 62%, the D.A.P. 21%, the Pekemas 5%, the Parti Rakyat 4% and the Independents 7%. Now, one is entitled to ask, "What of the 47 seats that the Barisan Nasional won without any campaigning?" If you take the national average and apply it to the 47 constituencies and give all the votes in those constituencies to the Barisan Nasional, the figures that I have worked out are that the Barisan Nasional has got only 70.7% of the votes. Thus it will be seen, Mr Speaker, Sir, that the Barisan, although it got 88.3% of the seats, only got 62% of the absolute numbers and if we take into consideration the 47 seats that were uncontested, it only got 70.7%. Thus, I hope I have exploded the myth that the Barisan Nasional has won an overwhelming victory. An overwhelming victory in terms of the seats gained, yes, but not an overwhelming support from the electorate of this country, because 38% of them supported the Opposition.

Now, Mr Speaker, Sir, during the recent campaign, the Prime Minister called on the people of this country to vote all the Barisan Nasional candidates into Parliament. For a

back-bencher to make such a call, it would not have mattered so much, but for a Prime Minister to make such a call is regrettable, nay deplorable, for it means that the Prime Minister is calling the people of this country to support a one-party system and if the people were to support that, then we are marching one step towards autocracy in this country.

Now, the other thing is that the Prime Minister himself and others have said, "If you vote the Barisan Nasional, you will get all the things that you want", or the converse is true: "If you vote an Opposition member or an independent candidate, then you will not get the things that you need for the next five years." I say this is immoral of anyone to say such a thing and more so of a Prime Minister, because the Government rules not for the benefit of its supporters but for the whole of the people whether they support the Government or not in an election. The Prime Minister has tried this in Sarawak and it has certainly back-fired in Sarawak because I believe that 85% of the Ibans voted SNAP and they have rejected the call of the Prime Minister.

Now, surely, Mr Speaker, Sir, when once the election is over the Government should rule in the interest of all the people and I commend to the Government these thoughts of the late Tun Ismail who was a great patriot and statesman and this was what Tan Sri Justice Suffian, in his Tun Ismail Oration, said of him and I quote:

"Tun Ismail sincerely believed that while a party depends on its members and supporters to be elected to the House of Representatives, yet after an election and the majority party has formed a Government, the Government's duty is to govern not solely in the interest of party members and party supporters, but on the contrary in the interest of the entire nation.

Tun Ismail believed that the Government should look after not only the majority but also the minority to whom it should be fair and just.

He believed that a strong government should be generous."

Now, Mr Speaker, Sir, this is very important because throughout the campaign the Government has dangled this carrot

before the electorate and I am glad that voters of at least 19 constituencies have rejected the carrot dangled before them.

Mr Speaker, Sir, I now come to the matter of the missing votes which numbered by the hundreds of thousands. Yesterday I made a call on the Government to appoint a Commission of Enquiry headed by a High Court judge to investigate into this very important matter because the right to vote is one of the fundamental liberties enshrined in our Constitution. Mr Speaker, Sir, despite the fact that it has been rejected, I call on the Government—

1. To have compulsory voting.
2. To have compulsory registration of voters.
3. To have automatic registration of voters at the age of 21. (I am told that this can be done without too much trouble).
4. All-the-year-round registration. The Government stated yesterday, as it had stated many years before, that it saw merit in it and yet up to now it has not introduced all-the-year-round registration.
5. Political parties should be given forms to help in the registration of voters.

The Prime Minister yesterday stated that this would lead to double registration. I say better that than thousands of voters being disenfranchised. This denial of registration forms to the political parties has led Datuk Sri S. P. Seenivasagam to say that this is undemocratic and that he would want to test this in court. I hope the worthy Datuk will really test this in court to see whether it is legal of the Election Commission to deny the political parties forms to help in the registration of voters.

6. Lower the voting age to 18 years.
7. To supply copies of the register freely to the political parties and to the public as well.

Currently, Mr Speaker, Sir, there is a registration of voters going on. It was supposed to start on the 3rd but it started on the 5th and it ends on the 17th. I ask the Election Commission, how many voters

can be registered in this short space of time and how many people do know that there is this exercise going on? This is a vital exercise because without registration of voters, the voters are denied the right to vote, and I call on the Government to give the fullest publicity to this exercise.

Mr Speaker, Sir, during the recent elections in Sabah where the National Front trumpeted aloud its 15 victories unopposed, except in Tuaran, it is a tale of political repression and wanton trampling of human rights in that State. Here it is sad to relate that two Government Departments, namely the officials of the Election Commission and the Police, have connived to be the willing instrument of the Chief Minister of Sabah who rules the State like a Mediaeval Lord and regards Sabah as his personal freedom.

Mr Speaker, Sir, one day before the nomination day, and on the nomination day itself, all the roads leading up to the registration centres were guarded by Police and anyone thought to be wanting to be an Opposition candidate was arrested. The PEKEMAS fielded 16 candidates. Of these 12 were arrested either before the nomination day or on nomination day itself. Many of them were beaten up by either the Police or the members of the USNO and some had their nomination papers torn up by either the members of the USNO or the Police itself. Some of the candidates had their nomination papers rejected without any valid reasons.

Mr Speaker, Sir, this denial of the right to file one's nomination papers is a violation of human rights and I call on the Prime Minister to look into this and not to reject our request out of hand. It is only in the constituency of Tuaran that the Government had a gala time because it held rallies, it held *ceramah*, it held door-to-door campaign, but anyone who dared to show himself to be a supporter of the Pekemas was subject to arrest. But nevertheless, the result was an eye-opener to the Government because of the 10,000-plus voters, the National Front had 6,468 votes and the Pekemas without any campaigning received 4,162 votes.

Mr Speaker, Sir, the result must have been a shock to Tun Mustapha and it speaks well of the 4,162 voters of Tuaran who had the temerity and the courage to defy Tun Mustapha in that constituency.

Now Tun Mustapha had stated that those arrested were smugglers, criminals and subversive elements. If that was so, Mr Speaker, Sir, I ask, why were they not arrested before nomination day and why were some of them released without any conditions?

Mr Speaker, Sir, I have written a letter to the Prime Minister and to the Election Commission regarding this. Unfortunately, the Prime Minister has not bothered to reply to my letter, but the Election Commission has stated that the letter is receiving their consideration. The Prime Minister must know that this oppression and repression cannot last longer. If there is no room for dissent, then the pent up feelings of the people will blow up in the face of Tun Mustapha and the Prime Minister cannot say that he has not been forewarned.

Mr Speaker, Sir, today during Question Time we have stated how we had applied for permission to enter into Sabah and this had been rejected. The Member for Kota Melaka has stated that the Government there has erected a "Batik Curtain". I do not know what sort of curtain the Sabah Government has erected to prevent the law abiding citizens with *bona fide* reasons who want to go into Sabah. I must say, Mr Speaker, Sir, the Government must not take us lightly on this matter of violation of human rights. Throughout the 10 years that I have been in this Dewan I have spoken out loud and clear on this matter of human rights even when I was the lone voice in this House on this matter. I will continue to speak out. The Government must not take us lightly in this matter. I have already spoken out on the violation of human rights in two Human Rights Conferences, one in Hong Kong and one in Vienna recently, and I would warn the Government that unless there is room for dissent in Sabah, I would continue to take this matter up on the violation of human rights up to the United Nations if it need be. It gives me no pleasure, Sir, to raise this issue internationally. But under the circumstances we have no other remedy and may I add that we may be forced to take other actions internally if the Government should ignore our request and give no room for dissent not only in Sabah but elsewhere.

Mr Speaker, Sir, the situation in Sarawak is not much better. There, after the elections, when the Government found it has lost the

support of the Ibans, it arrested 4 people early in October and on the 30th October, it arrested the Deputy President of SNAP. I would not go into this matter in detail because people more qualified than me will speak on this matter. What I want to say is that the Pekemas is very concerned over this violation of human rights. If the Government thinks that Datuk James Wong has committed treachery to this country, then there are treason laws in this country. Why should not the Government bring him to a court of law and try him for treason? Instead of this, the Government has chosen to isolate him from the body politic. Mr Speaker, Sir, the Government has tried to isolate and eliminate Datuk James Wong by the simple process of P.P.S.R., but I am sure it cannot prevent the members, the supporters of SNAP to continue to do what they think is right not only for the State of Sarawak but also for Malaysia as well in opposing, where it is necessary, the actions of the Government.

Mr Speaker, Sir, the lights of democracy are being put out one by one and unless both the Opposition and all freedom loving people in this country speak out, very soon we will have a one-party state and a dictatorship in this country. Mr Speaker, Sir

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi untuk menyampaikan ucapannya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya belum bercakap 10 minit pun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bercakap mulai daripada pukul 3.48 petang.

Dr Tan Chee Khoon: Berhampiran pukul 3.50 petang. Kalau sekiranya saya boleh dibenarkan untuk bercakap 5 minit lagi, I shall be very brief. Sir, already the Government is querying whether there should be a one-party state. I say that this is the result of the overwhelming victory that the Government has. We know, Mr Speaker, Sir, that not only do they say that there is no need for Opposition in this country but I know that there is a small coterie around the Prime Minister who say, "Let us do away with democracy, it is too luxurious for this country; let us return to the N.O.C. type of government and rule by decree."

Mr Speaker, Sir, parliamentary democracy implies that there must be a strong and viable Opposition and we can only survive if there is an Opposition that can provide the checks and balances that are so necessary in this country if it is not to degenerate into a totalitarian regime.

Mr Speaker, Sir, on the question of Education, the Minister of Education today has rejected a call to enlarge the cabinet Committee on Education Review. I would like to say, Mr Speaker, Sir, that the Government must know that there is plenty of frustration, anguish and even anger amongst the Chinese and the Tamils in this country because of the denial of pursuing their education in both Tamil and Chinese. I wish the Government, in this Review, will thoroughly go into this question of providing opportunities for people to pursue their education in Chinese and Tamil so that we may defuse this position.

Mr Speaker, Sir, the Government has admitted that there is a recession and that there is stagflation now. We all know that there is unemployment and underemployment and with stagflation the position will become worse. What has the Government done to ameliorate the condition of the workers of this country? We have seen everyday that there are strikes, picketting and lockouts and, as far as I can see, the Government has not taken any positive action to relieve the position of the workers. This position, Mr Speaker, Sir, will be compounded if and when—perhaps early next year—Malaysian workers in Singapore are retrenched, and when they come back the position will worsen. Yet, Mr Speaker, Sir, the Government has got the effrontery to say that it has shown loving tender care to the workers in this country. This double talk will not assuage the feelings of the workers in this country. I call on the Government to stop the exploitation of workers, remove restrictive laws which hamstring the Malaysian Trade Union Movement and legislate for a Workers' Charter which can fulfil the hopes and aspirations of the workers of this country.

Mr Speaker, Sir, it gives me no pleasure to speak in this vein, I am by nature not a "Jonah" but I will be failing in my duty if I do not say the things that I have said just now regarding human rights, violations and the grim future in front of our country. Mr

Speaker, Sir, when human rights are blatantly and wantonly violated, where there is a recession together with the greater danger of stagflation and where the Barisan Government tramples on the rights of the citizens and is so drunk with power that it is impervious to suggestions and constructive criticism and is insensitive to the needs of the people, then I will be failing in my duty to this House and to the people of this country if I do not speak the truth, the blunt truth as I have always done in this country.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudah melebihi masa. Sebenarnya catitan daripada Setiausaha pun mengatakan Ahli Yang Berhormat telah bercakap mulai pukul 3.48 petang. Ini sudah melebihi daripada masa.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, I wish to ask: Quo Vadis Malaysia or Whither Goest Thou Malaysia atau Kemana Malaysia?

4.06 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan bagi menyembah ucapan titah dan junjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ingin memberi sedikit-sebanyak pandangan terhadap ucapan dasar Kerajaan semoga rakyat yang saya wakil di Tumpat, Kelantan akan sama-sama dapat menikmati hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana sedia maklum Tumpat ialah satu kawasan yang berada di tepi laut dan sebahagian besar penduduk-penduduk terdiri daripada kaum nelayan yang semata-mata bergantung hidup kepada punca hasil daripada laut. Sekiranya keadaan laut bergelora lebih-lebih lagi bila masuknya musim tengkujuh seperti sekarang ini mata pencarian mereka sudah mula terancam, mereka tidak dapat lagi turun ke laut dan hidup mereka mula menderita. Keadaan ini lebih buruk lagi dialami oleh nelayan-nelayan yang berkampung halaman di pulau-pulau di sekitar kawasan Tumpat itu. Pada mereka hidup kais pagi makan pagi. Mereka menganggur beberapa bulan sedangkan mereka hidup tidak ada mendapat apa-apa pencarian sekiranya musim-musim banjir pula menimpa mereka. Hidup mereka

ibarat kata: Jatuh ditimpa tangga. Ibarat dari pandangan hidup yang sepahit itu menyebabkan bukan sedikit bilangan pemuda dan penduduk-penduduk Tumpat terpaksa pindah atau berhijrah ke lain-lain kawasan di luar negeri untuk mencari hidup yang lebih terjamin, mereka mengambil keputusan meninggalkan Tumpat kerana Tumpat tidak boleh memberi mereka kehidupan yang baik sebagaimana kawasan-kawasan lain di Malaysia ini.

Saya tidak dapat memberi angka yang nyata kepada Dewan yang mulia ini berapa ramaiakah pemuda-pemuda Tumpat telah keluar negeri semenjaknya merdeka dari dahulu lagi tetapi dari maklumat-maklumat yang saya terima ketika menjelajah kawasan dalam masa kempen pilihanraya baru-baru ini, saya diberi faham sudah beribu-ribu orang penduduk-penduduk Tumpat keluar membawa nasib hidup di rantau orang.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Tumpat adalah satu-satu kawasan yang boleh dikatakan belum pernah mendapat perhatian yang wajar dari pemerintahan semenjak merdeka. Rakyat Tumpat belum lagi dapat mengenali apa yang dikatakan pembangunan negara dan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan secara praktikal, kemudahan-kemudahan pekerjaan atau peluang bekerja yang sedang pesat berjalan dan dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia ini tidak terbayang pula kepada mereka penduduk-penduduk di kawasan Tumpat. Mereka belum dapat mencium bau kemajuan negara mereka pada hari ini. Kalau dahulunya di Tumpat ada tempat persinggahan kapal sebagai salah satu pelabuhan yang agak masyhur juga sebelum perang dahulu, tetapi kini sudah tidak ada lagi satu pintu bekerja untuk belia-belia pemuda-pemuda Tumpat tempat bertempu. Stesyen Keretapi Tumpat yang dahulunya menjadi tempat tumpuan para belia mencari rezki, kini sudah menjadi stesyen keretapi yang hendak pulang tidur sahaja. Kemudahan-kemudahan jalanraya dan perhubungan tidak ada kemajuan dan tidak merupakan jalan-jalan yang hidup. Bandar Tumpat yang dahulunya terdapat gedung-gedung syarikat perniagaan yang besar kini bertukar menjadi sebuah bandar yang sunyi dan lengang. Wajah kemunduran di kawasan Tumpat sejak beberapa tahun ke belakang ini menyebabkan Tumpat dan bandarnya sendiri menjadi satu bandar mati

di Malaysia. Apa yang ditakuti kelak dalam kita membangunkan negara kita dengan 1001 rancangan akan timbul satu bandar mati atau ghost town. Tumpat, kita pernah dengar terjadinya satu ghost town di Amerika Syarikat pada masa dahulu, apa boleh buat. Tumpat tidak mempunyai minyak dan emas seperti di Pahang dan Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, kewajipan saya bagi pihak rakyat Tumpat untuk menyampaikan hasrat dan perasaan mereka, perasaan sebahagian besar rakyat yang ketinggalan zaman dalam negara Malaysia yang makmur ini. Saya berkewajipan mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini segala sesuatu yang menyebabkan penderitaan hidup mereka mudah-mudahan dalam melancarkan kerja-kerja pembangunan bagi Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga ini Tumpat akan mendapat perhatian utama dari semua pihak berkuasa yang berkenaan samada di peringkat Negeri dan Persekutuan. Saya merayu untuk mendapatkan bantuan bagi membina balik kawasan Tumpat sebelum ianya menjadi ghost town. Saya tidak dapat mencadangkan di sini satu-satu cara yang detail. Apa yang saya maksudkan ialah supaya penyiasatan yang menyeluruh dan teliti dilakukan dengan segera bersungguh-sungguh di Tumpat semuga bandar Tumpat yang hampir mati itu akan hidup semula. Peluang-peluang bekerja sesuai dengan zaman hidup dunia yang berkemajuan sekarang ini, hendaklah diadakan segera supaya pemuda dan pemudi dan para belia Tumpat tidak lagi lari membawa nasib ke luar negeri orang pada hari ini.

Rancangan-rancangan letrik dan talipon hendaklah disegerakan, kemudahan-kemudahan hubungan jalanraya dan lain-lain lagi hendaklah segera diperbaiki supaya hasil tanaman rakyat di kawasan pendalaman dapat dibawa keluar ke pekan dan ke bandar bagi menambah mata pencarian hidup rakyat di luar bandar. Dengan ini sahajalah saya percaya saki baki rakyat Tumpat yang saya wakili untuk tempoh 5 tahun akan datang akan kekal hidup di Tumpat setaraf dengan lain-lain rakyat di Malaysia yang berada di lain-lain bandar besar, dengan menikmati berbagai-bagai kemudahan hasil daripada Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pembangunan dari segi ekonomi saya suka juga menarik perhatian Yang Berhormat

Menteri Pelajaran kepada keadaan persekolahan anak-anak nelayan dan penduduk-penduduk di pulau dalam kawasan Tumpat. Kanak-kanak di pulau itu berulang alik ke sekolah-sekolah dengan menggunakan sampan dengan melalui perhubungan perjalanan yang sukar. Memang anak-anak itu sudah biasa, malah boleh dikatakan mahir bersampan kerana mereka dibesarkan dalam cara hidup bersampan. Tetapi sebaliknya itu saya nampak ada bahayanya terhadap pelajaran anak-anak itu sendiri. Selain daripada bahaya maut, pelajaran mereka mungkin terjejas kerana leka dengan bermain-sampan. Ibu-bapa mereka tidak terdaya hendak mengawasi kerana fikiran dan jiwa ibu-bapa sendiri sentiasa diseliputi oleh kemunduran hidup tanpa sebarang perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberi masa melawat dan melihat sendiri keadaan ini dapatlah kita sama-sama menginsafi wujudnya kemunduran anak-anak penduduk di pulau itu dalam pelajaran mereka dan mungkin kita akan dapati bahawa inilah salah satu angkara keciciran anak-anak Melayu dalam pelajaran yang harus diberi pembelaan. Salah satu cara yang saya fikir patut dijalankan untuk menyelamatkan taraf pelajaran anak-anak nelayan yang bertaburan di pulau-pulau di kawasan Tumpat itu ialah dengan jalan Kerajaan mengadakan asrama penuh yang khas di mana satu-satu kawasan tanah besar yang berhampiran dengan kawasan pulau itu bagi menempatkan anak-anak sekolah rendah yang mundur itu. Kita harus mengumpul kanak-kanak sekolah seperti itu di satu tempat seperti di asrama khas di mana mereka akan diberi kawalan dan kemudahan yang cukup untuk memandu mereka mendapat didikan dan pelajaran yang lebih sempurna hingga ke peringkat menengah. Kita tidak harus membiarkan mereka tercicir dan hanyut di celah-celah pulau dan di tepi-tepi pantai kerana mereka juga anak-anak negeri ini yang ingin mendapat kesempurnaan nasib hidup di masa hadapan. Sudahlah ibu bapa mereka menerima nasib hidup yang serba kurang, tetapi jenerasi baru perlu diberi pembelaan dan pimpinan agar mereka tidak mewarisi kemunduran hidup di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya, terima kasih.

4.17 ptg.

Tuan Jaafar bin Hamzah (Johor Bahru):

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap di dalam Dewan Parlimen yang mulia ini menyertai perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat, hari Selasa yang lepas.

Sebelum saya meneruskan perbahasan ini izinkan saya melalui Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kerana masing-masing dipilih menjawat jawatan di dalam Dewan yang mulia ini. Pemilihan ini memang telah kena pada tempatnya kerana memandang kepada pengalaman, kebolehan dan kecekapan masing-masing yang telah sedia ada bagi mengendalikan Parlimen yang mulia ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan melalui Parlimen yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dikasihi yang telah menang tanpa bertanding di dalam pilihanraya umum yang lepas dan seterusnya memimpin rakyat dan negara ini. Begitu juga ucapan tahniah saya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga menang tanpa bertanding serta lain-lain Menteri dan juga calon-calon Barisan Nasional yang lain yang telah berjaya di dalam pilihanraya yang lalu itu.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa juga yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Pembangkang di dalam Dewan ini baru sebentar tadi, tetapi saya percaya kemenangan cemerlang calon-calon Barisan Nasional di dalam pilihanraya itu membuktikan rakyat negara ini telah meletakkan sepenuh kepercayaan kepada Barisan yang berkehendakkan perpaduan, keamanan, kesejahteraan demi untuk mempertahankan kedaulatan negara di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa yang akan datang saya percaya dan yakin bahawa semua kerusi-kerusi di dalam Parlimen ini akan dipenuhi oleh Ahli-ahli

dari Barisan Nasional apabila seluruh rakyat di negara ini meletakkan kepercayaan yang penuh kepada Barisan Nasional untuk memerintah negara ini, kerana rakyat termasuklah rasa saya parti-parti Pembangkang yang sedia ada sekarang sedar di atas kekuatan Barisan Nasional yang memang sentiasa sanggup menjalankan tugas dan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan itu, yang mana dengan tujuan untuk memupuk dan menjaga keamanan, kesejahteraan dan kestabilan negara dengan membentuk satu masyarakat yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Baru dari hujung selatan Semenanjung Malaysia, ingin saya menyentuh beberapa perkara yang saya fikir patut menjadi renongan dan perhatian Parlimen yang mulia ini. Dalam masalah perumahan saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan dapat memberikan sepenuh perhatian kepada Negeri Johor, terutama sekali bagi Daerah Johor Bahru, iaitu dalam kawasan pilihanraya saya yang mempunyai jumlah pengundi yang paling ramai dan kawasannya pun berlainan sedikit dengan keadaan kawasan-kawasan pilihanraya di tempat-tempat lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang baharu-baharu ini telah datang ke Johor Bahru meluluskan bantuan pinjaman segera kepada Kerajaan Negeri sebanyak \$37.3 juta untuk projek perumahan di Negeri Johor termasuk 4,000 yunit rumah pangsa dan 648 yunit rumah papan untuk anggota-anggota tentera di dalam kawasan pilihanraya saya itu. Langkah yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu akan dapat mengatasi sedikit-sebanyak kekurangan perumahan di bandar itu. Projek-projek perumahan yang telah sedia ada tidak mencukupi untuk menampung penduduk yang sekian bertambah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bandar Johor Bahru yang berhampiran dengan sebuah negara jiran sedang pesat membangun dan masalah perumahan untuk rakyat bandar diutamakan dan segala perancangan hendaklah dilaksanakan segera, kerana bandar ini sekarang sedang menjadi tumpuan orang ramai termasuk orang-orang dari luar negeri Johor sendiri. Melalui Parlimen yang mulia ini saya merayu kepada Yang Berhormat

Menteri yang berkenaan agar seberapa banyak projek perumahan dibina di bandar itu, terutama pembinaan rumah-rumah pangsa atau apa juga bentuk rumah yang difikirkan sesuai untuk mereka yang berpendapatan rendah. Di dalam masaalah ini juga saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak akan menjadi keberatan untuk meluluskan peruntukan yang cukup bagi melaksanakan projek tersebut di dalam kawasan pilihanraya saya. Saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri yang berkenaan faham dengan kedudukan kawasan pilihanraya saya itu. Pada pandangan saya Kerajaan Negeri Johor tentu tidak keberatan menyediakan tapak-tapak rumah untuk projek-projek perumahan yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masaalah perumahan ini juga saya suka memberi sedikit pandangan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu sebelum meluluskan sesuatu permohonan dari pihak-pihak pelabur di masa-masa akan datang bagi mendirikan kilang-kilang perusahaan, mereka hendaklah mendirikan atau menyediakan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja mereka sebagai salah satu syarat meluluskan permohonan itu. Tempat kediaman yang sempurna perlu disediakan kepada pekerja-pekerja kilang yang berpendapatan rendah itu, kerana mereka merupakan segolongan rakyat di negara yang telah banyak menyumbangkan tenaga untuk menghasilkan barang-barang keluaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pekilang-pekilang juga patut diingatkan supaya jangan hanya hendak mencari keuntungan semata-mata dengan tidak mengindah dan mengambil berat terhadap tempat tinggal pekerja-pekerja mereka serta pemberian gaji yang tidak seimbang dengan keadaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah luar negeri, saya tertarik hati dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama di dalam akhbar-akhbar tempatan pada hari Selasa yang lepas, di dalam mana ada menyebutkan kegiatan setengah pelajar-pelajar kita di New Zealand dan Australia yang bersikap liar dan cuba memburuk-burukkan imej negara kita. Tindakan pelajar-pelajar yang berkenaan sudah keterlaluan dan Kerajaan hendaklah bertindak segera supaya keharmonian dan perpaduan rakyat negara itu tidak diputarbelitkan oleh pelajar-pelajar yang tidak

menaruh cinta kepada negara dan juga yang taat-setianya sebagai tempat tumpah darah mereka itu sendiri. Kerajaan hendaklah selalu mengingatkan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Malaysia di kedua-dua buah negara itu supaya sentiasa memerhatikan kegiatan pelajar-pelajar di sana sekalipun mereka belajar atas perbelanjaan sendiri dan cuba merosakkan nama baik negara Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesuatu yang lebih buruk berlaku patutlah Kerajaan New Zealand dan juga Australia mencegah dan menolak kegiatan pelajar-pelajar itu dari memburuk-burukkan negara ini demi untuk menjaga perhubungan baik kedua-dua negara tersebut dengan Malaysia ini tidak terancam. Saya menyokong penuh pandangan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama itu supaya tokoh-tokoh politik, pemimpin-pemimpin pelajar, belia dan para wartawan yang taat-setia kepada negara ini diberi peluang untuk dikirimkan kepada kedua-dua buah negeri itu untuk menjelaskan keadaan yang sebenarnya terhadap negara ini supaya perbuatan pelajar-pelajar yang berkenaan tidak menimbulkan sebarang gambaran buruk kepada rakyat di kedua-dua negara tersebut.

Dalam masaalah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya juga berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat mencari jalan bagi menambahkan bilangan anggota-anggota Polis bagi menjaga keamanan dan keselamatan negara ini. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada anggota-anggota Polis yang telah menunjukkan serta menjalankan tugasnya yang cemerlang untuk menjaga keselamatan negara ini selama ini. Negara kita telah lama membangun, tetapi penambahan anggota-anggota Polis bagi menjaga keamanan negara ini agak terlalu terbatas dengan sebab kekurangan anggota-anggota Polisnya itu. Saya fikir telah tiba masanya bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memandang berat masaalah keamanan negara daripada ancaman komunis dan juga jenayah yang berleluasan dapat dicegah dengan berkesan.

4.30 ptg.

Tan Sri Mohamed Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak menyokong usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong pada masa pembukaan Penggal Pertama Parlimen Keempat iaitu pada 5hb November, 1974. Dan di sini juga saya mengambil kesempatan untuk memberi ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Timbalan Yang di-Pertua yang mana telah dipilih untuk memegang jawatan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan ini dan mudahan-mudahan akan dapat meneruskan perjuangannya dari masa ke semasa seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh atas pilihanraya yang telah berlaku di Sabah yang mana telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang mengatakan iaitu pilihanraya Negeri Sabah telah tidak dijalankan dengan licin, adil dan teratur. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum negeri Sabah yang di dalam Malaysia ini memang aman, damai, tenteram, bahagia dan makmur penduduk-penduduknya di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha sebagai Ketua Menteri. Rakyat menyokong beliau 100% kerana pimpinannya cukup adil dan menjayakan segala kehendak-kehendak rakyat. Tuduhan yang tidak berasas berkenaan pilihanraya ini tidak betul sama sekali, kerana pilihanraya di Sabah telah dijalankan mengikut dasar-dasar pilihanraya sebenarnya.

Soal orang-orang yang telah ditahan oleh Polis ini tidak kena-mengena dengan pilihanraya. Ini adalah terpulang kepada Polis, barangkali ada sebabnya melanggar keamanan dan merosakkan negeri itu, boleh jadi mereka telah diketahui oleh Polis. Ini adalah soal Polis, bukanlah soal pilihanraya. Masa pilihanraya semuanya sudah menghantar nama-nama calon mahupun dari Barisan Nasional dan juga dari Parti Pembangkang yang tidak dikenali yang tumbuh seperti cendawan satu malam sembunyi-sembunyi masuk ke Sabah terus menghantar nama. Timbul satu matahari iaitu matahari yang telah diterima di kawasan Tuaran. Ini adalah cara seperti perompak. Masuk ke Sabah dengan tidak dijalankan dengan sebenarnya mengikut dasar-dasar yang sebaik-baiknya untuk diketahui untuk menentang Bandaraya Sabah. Rakyat Sabah yang bodoh telah tertipu merosakkan diri mereka. Mengambil satu penyakit, membawa penyakit masuk ke Sabah, dengan tidak mengikut peraturan yang baik yang menyenangkan hati rakyat sebenarnya. Betul juga

Ahli Yang Berhormat tadi telah menerangkan keadaan pilihanraya. Sebenarnya mengenai kerusi ada yang tidak mendapat penerimaan yang baik kerana borang-borang tidak diisi dengan betul telah ditolak oleh Kerajaan dan ada yang tidak ditanding. Jadi, kemenangan itu adalah dengan sebenarnya mengikut perlembagaan dan pilihanraya.

Kemenangan di Tuaran, bukanlah dimenangkan oleh rakyat Sabah, rakyat Sabah tertipu, kadang-kadang ada pemimpin-pemimpin berjalan senyap-sunyi memberitahu rakyat dengan cara propaganda mereka untuk menarik hati rakyat yang bodoh supaya mengundi matahari yang baharu timbul untuk membakar rakyat di Sabah. Jadi, mereka yang kena terbakar oleh matahari itu mengikut kerana janji-janji. Ada konon menyatakan oleh sebab rakyat Sabah sekarang ini menerima iaitu amanah Tun Datu Mustapha \$60.00 tiap-tiap rakyat pada tiap-tiap tahun di negeri Sabah menerimanya. Mereka mengatakan kalau parti saya menang iaitu PEKEMAS, maka mereka janganlah menerima \$60.00 ini kerana tidak berguna, mereka akan menerima \$600.00. Siapa yang tidak mahu mendapat keuntungan, Tuan Yang di-Pertua. Semua orang mencari keuntungan dan kebaikan. Mereka telah terkelir, sebab rakyat Sabah bukan semuanya berkelibar, kebanyakannya menggunakan pensil, cangkul, ditipu dengan sekejap mata boleh dikatakan daripada hitam keputih dari putih kehitam dengan sekejap masa boleh berlaku dalam keadaan itu. Inilah keadaan pilihanraya di Sabah. Sebenarnya, pilihanraya di Sabah itu telah dijalankan dengan licin mengikut perlembagaan dan peraturan pilihanraya, tidaklah seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat tadi menuduh Ketua Menteri membuat kerja-kerja yang tidak diingini. Sebenarnya, rakyat Sabah tidak suka menerima penyakit masuk ke Sabah seperti penyakit demam denggi yang belum berlaku di Sabah. Penyakit-penyakit ini ditolak, dijaga oleh Kerajaan Sabah kerana rakyatnya aman, makmur, dan maju jaya yang ada kelihatan di mata kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menyentuh juga atas kemajuan-kemajuan. Sungguhpun kemajuan sudah ada di Sabah, tetapi sekarang ini bukanlah sahaja Sabah menghadapi masalah, bahkan di seluruh negeri Malaysia menghadapi masalah-masalah, oleh sebab kemerosotan harga kayu

telah jatuh, maka ekonomi negeri itu tentu kekurangan. Dari itu saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini iaitu segala bantuan-bantuan untuk projek-projek dari Federal daripada Pusat ini akan diberi kepada Negeri Sabah akan dapat diteruskan dengan tidak disekat supaya mereka yang sekarang ini telah dilucutkan jawatan-jawatan mereka yang tidak ada pekerjaan lagi daripada pembalok itu dapat bekerja manakala projek-projek ini dijalankan nanti menunggu sementara sehingga keadaan harga kayu telah dipulihkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Rumah Sakit pula doktor-doktor yang ada di Negeri Sabah sekarang semuanya ada tetapi kalau dikira betul-betul tidak mencukupi, kerana tempat-tempat di Sabah jauh dan penduduk-penduduknya tinggal di kawasan-kawasan yang jauh dari bandar, mereka kekurangan doktor. Dengan itu saya berharap supaya Kerajaan Pusat akan dapat menambah lagi doktor-doktor dan juga mendirikan kelinik-klinik di daerah di dalam Negeri Sabah.

Mengenai pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, semuanya berjalan dengan licin di Negeri Sabah sekarang, tetapi setahu saya masih lagi banyak diperlukan iaitu guru-guru yang terpelajar patutlah dihantar lebih ke Negeri Sabah untuk mengajar kanak-kanak oleh sebab sangat kekurangan pada masa ini guru-guru yang ada mempunyai lebih berpengalaman bagi mengajar murid-murid, terutama di luar-luar bandar. Saya ingat setakat ini sahajalah yang saya dapat terangkan di Dewan ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7 malam.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauden Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7 malam.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA
D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Perbahasan disambung semula.

4.40 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan-nya yang menarik. Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah berkenan menyatakan beberapa buah projek untuk faedah negara dan menjadikannya sebuah bentuk masyarakat yang adil. Dengan rahmat Duli Yang Maha Mulia Tuanku beberapa projek pembangunan telah diutarakan sebagai satu langkah mewujudkan polisi ekonomi yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin di bawah pimpinan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak yang tidak syak lagi mempunyai kebolehan yang dinamik. Perkara ini akan tetap menjadi kenyataan ke arah kemajuan yang lebih pesat dan mewujudkan perpaduan bagi negara kita. Mandat yang telah diberikan oleh rakyat di dalam pilihanraya baru-baru ini telah membuktikan dengan nyatanya akan kepercayaan rakyat terhadap pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak dan Kerajaan Barisan Nasional. Saya yakin dengan sebuah Kerajaan yang teguh dan berkesan kita akan dapat memberikan khidmat yang cekap kepada rakyat.

Dalam soal kesihatan terutama di dalam bidang kemudahan-kemudahan sosial Titah Ucapan di-Raja telah menegaskan keperluan kemudahan-kemudahan asas ke arah memperbaiki kesihatan rakyat kita. Untuk menjadikan langkah-langkah ini lebih berkesan dan bermakna Kerajaan hendaklah memperbaiki perkhidmatan Klinik Bergerak di dalam kawasan-kawasan luar bandar supaya kemudahan-kemudahan seumpama itu akan dapat dinikmati oleh rakyat biasa.

Penyeliaan yang lebih sempurna di dalam Kumpulan Klinik-klinik Ladang hendaklah diadakan oleh pihak berkuasa perubatan. Masanya telah tiba untuk Kerajaan menimbangkan penubuhan Sekim Kesihatan Kebangsaan di dalam negara kita.

Dalam soal perumahan, sementara Kerajaan kita mengambil berat terhadap soal perumahan orang ramai, saya menggesa Kerajaan menimbangkan perkara memberikan kemudahan-kemudahan perumahan kepada belia-belia yang bekerja di beberapa buah perindustrian dalam negara kita.

Memandangkan kepada hakikat tentang harga-harga rumah yang telah naik melambung tinggi Kerajaan hendaklah mencari jalan dan cara-cara mengawal keadaan inflasi di dalam sektor perumahan. Pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Kerajaan mendapati susah membeli rumah-rumah dengan keadaan sekim pinjaman yang ada sekarang. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya dinilai, nilai pinjamannya. Kerajaan hendaklah juga memastikan dan mengawal pengusaha-pengusaha perumahan persendirian yang menjadikan orang ramai mangsa mereka khususnya semasa orang ramai cuba mencari dan membeli rumah-rumah daripada mereka. Di samping itu Kerajaan hendaklah melihat mutu-mutu rumah yang dibina oleh penguasa-penguasa persendirian itu juga sebab-sebab kelambatan mereka menyiapkan projek-projek perumahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal pelajaran, dengan sukacitanya saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh soal pelajaran yang paling mustahak. Di dalam hubungan ini sukalah saya mencadangkan bahawa perhatian yang lebih hendaklah diberikan ke arah memperbaiki taraf pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar: Melayu, China dan Tamil, dan juga Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil dan China. Kerajaan hendaklah mempercepatkan cadangan menyatukan sekolah-sekolah luar bandar, terutama sekali sekolah-sekolah rendah di ladang-ladang. Kemajuan sekolah-sekolah di luar bandar hendaklah disertakan dengan memberikan mereka kemudahan-kemudahan Khutub Khanah, makmal dan pengangkutan.

Mengenai soal pelajaran tinggi, saya mencadangkan supaya dapat diadakan penyatuan

di dalam beberapa sistem yang diamalkan oleh universiti-universiti kita. Ulangkaji Penggal Pertengahan telah menunjukkan kekurangan technical expertise di dalam lapangan pertanian, kejuruteraan, perniagaan dan pelajaran. Memandangkan kenyataan bahawa negara kita terlibat di dalam kemajuan-kemajuan perindustrian dan pertanian, sukalah saya mendesak supaya kita dapat mempergunakan pengetahuan teknikal dan kepandaian yang diperolehi oleh penuntut-penuntut kita yang telah mendapatkan pelajaran-pelajaran tinggi dari universiti-universiti dan institusi-institusi lain di Timur Tengah, India, Pakistan, Indonesia dan Formosa. Kita menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menggunakan orang-orang muda kita yang telah mendapat latihan tinggi di dalam beberapa bidang, dengan demikian tidak syak lagi perkhidmatan-perkhidmatan mereka akan dapat digunakan dengan luas dan memberikan keuntungan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap sedikit perkara-perkara di kawasan saya di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I come from a constituency which is considered to be a rural area in our country, that is Sungai Siput. For many many years this House would not have heard a speaker representing Sungai Siput; whether it is fortunate or unfortunate I do not know. The former Member for Sungai Siput was a Minister in our Honourable Cabinet, but this time, Tuan Speaker, Sir, I have come over here to express the views of the ordinary masses of Sungai Siput.

In my constituency, Tuan Speaker, Sir, I would like to emphasise, communism plays a very important part. As you would understand, Sir, many millions of dollars have been spent in Sungai Siput and other areas in order to alleviate communist activities but at the same time, Sir, I would like to beg the Government to have more money spent especially on the sociological problems of the residents. Psychological warfare has become a necessity especially in Sungai Siput.

After visiting the constituency during the elections, I find kampungs without roads, kampung roads with potholes and even some people without food or houses, and even some mosques which leak while people are

praying. I have visited them and I have experienced the pain of the people. I would like His Majesty's Government to pay a bit more attention to areas where communist infiltration is more, especially because poverty is the basis for the growth of communism everywhere in any part of the world. We do not want to give any opportunity to the communists to use this as an infiltration medium to win the people of my constituency. I am very particular, Tuan Speaker, Sir, that more money should be spent in a constituency like Sungai Siput.

I have put up suggestions to the various authorities on the question of a hospital in my constituency, but I have got replies from the various Government Departments saying that, "Sungai Siput is only 18 miles from Ipoh and 12 miles from Kuala Kangsar. So what is the necessity for a hospital there?" Tuan Speaker, Sir, the man from Sungai Siput is not staying at the milestone. He stays 35 miles inside the kampung. From 35 miles inside the kampung, he comes to Sungai Siput; then he takes a bus and goes to Kuala Kangsar. It takes nearly 1½ hours to 2 hours for an ordinary kampung man to go to the hospital in Kuala Kangsar or Ipoh. That is why, Sir, I ask His Majesty's Government to kindly consider the erection of at least a hospital luar bandar in my constituency of Sungai Siput.

Tuan Speaker, Sir, on the question of houses, especially in kampung areas, I have seen for myself the sufferings of the people which need Government aid to solve. I am requesting the Government, Sir, to give more material aid in the form of building materials to the folks of the kampungs, so that they could erect their own houses or at least they could enlarge and repair their houses especially in luar bandar areas.

Tuan Speaker, Sir, on the question of water, I have seen for myself that water is mostly drawn from wells, which is not fit for human consumption. Piped water is available in some areas, but when we approach the authorities it takes time for individual connections. I would request, Sir, that more consideration should be given to supply piped water, electricity and other facilities in the constituency of Sungai Siput.

Coming to the industrial growth of Sungai Siput, Tuan Speaker, Sir, I do not know why more and more industries are being grouped

up in areas which have already got a sufficient number of industries. I request His Majesty's Government to consider the siting of industries in the rural areas, so that the rural man can also have the same life as the man who is having a good life in the *bandar*.

Tuan Speaker, Sir, before I finish, I would like to make a small suggestion. If a sick person in my constituency wants to contact the hospital and if he rings up the telephone exchange, he finds it so difficult to get in touch with the operator. The telephone system has become the greatest complaint in my constituency. There is already a telephone exchange erected in my constituency some six months back, but nothing has been done to date to equip the telephone exchange and to get things done. I request, Sir, the Government should give more consideration to these rural areas because we are living in an atmosphere where two types of publicity are being carried out: on one side, Tuan Speaker, Sir, we are spreading the fundamental basis and the understanding of democracy, but at the same time we are facing threats from the communists. So, I request the Government to consider giving more emphasis on rural development, especially in the rural areas of Perak.

My last point, Tuan Speaker, Sir, is on the estates. The British Administration has left our country quite long ago but I observe, Sir, that some of the British estate managers still behave like our masters. They do not realise that they live in a country which belongs to us. They never improve the houses of the estate labourers and I request the Government to pay more attention and to be more strict with such estate owners to give the ordinary man a better life and a better house. Especially in some of the estates, Sir, families consisting of 10 or 12 members live in a small room where he, his wife, his children and grandchildren sometimes do sleep in the same room. I hope, Sir, that these problems faced by the estate workers will be removed.

I thank you once again, Sir, for your kind permission in allowing me to speak on all these subjects.

4.55 ptg.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar (Panti): Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong usul yang ada di hadapan Dewan ini, saya ingin

menyentuh beberapa perkara yang telah disebutkan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Masalah yang sangat menarik perhatian saya dalam ucapan ini, ialah kenyataan iaitu berkenaan dengan pilihanraya yang baru beberapa bulan yang lepas selesai. Dalam Titah Ucapan ini telah disebutkan, saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua:

" Kejayaan pilihanraya tersebut membuktikan bahawa rakyat Beta mempunyai keyakinan penuh dan berpegang teguh kepada sistem demokrasi berparlimen di negara ini."

Sistem demokrasi berparlimen memanglah dipegang teguh oleh rakyat negeri kita dan rakyat negeri kita memang ingin hendak melihat bahawa sistem demokrasi berparlimen yang ada sekarang dalam tanahair kita ini dapat dikekalkan dan dapat dilanjutkan dan janganlah hendaknya ditukar dengan suatu sistem baru yang boleh merusakkan ketenteraman negara kita yang penduduknya terdiri dari berbilang kaum, berbilang keturunan, berbilang ugama dan berbilang latar belakang kebudayaannya.

Kita telah mendengar dalam masa yang akhir-akhir ini cakapan-cakapan ataupun sebutan-sebutan berkenaan dengan one party system atau sistem sebuah parti. Saya sendiri kurang mengerti apakah yang dimaksudkan dengan perkataan itu. Tetapi kiranya cadangan hendak mengadakan sistem satu parti itu ialah untuk hendak menghapuskan semua parti-parti yang ada ini, maka saya memberi ingatan kepada orang-orang yang menyimpan fikiran seumpama itu, siapa juga di dalam Dewan ini supaya berhati-hati sebelum melaksanakannya, kerana pada pandangan saya ini sangat besar padahnya kepada ketenteraman yang ada dalam tanahair kita ini. Kita telah mencuba sistem demokrasi berparlimen yang ada dalam tanahair kita ini sejak kita mencapai kemerdekaan, dan nampaknya sistem demokrasi berparlimen sebagaimana yang kita amalkan dalam tanahair kita pada hari ini dapat dijalankan dengan baik dan lalin dan kalau pun ada kekacauan berlaku di sana-sini, maka ini adalah salah satu daripada penyakit demokrasi yang kita impot bulat-bulat daripada barat dan tidak dapat hendak dielakkan, tetapi untuk hendak menukarnya dengan satu sistem yang lain

atau satu cara yang lain, maka ini memerlukan kajian, penelitian, penyiataan yang lebih mendalam dan menaruh pandangan yang lebih jauh.

Seperkara lagi yang telah disebutkan di dalam Titah Ucapan ini ialah berkenaan dengan kejayaan Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu. Tidak syak lagi sebagai Ahli daripada Parti Barisan Nasional kita berasa besar hati, kita berasa bahawa kita telah diberikan kepercayaan oleh rakyat untuk memimpin negara dan untuk memimpin rakyat selama 5 tahun yang akan datang lagi. Tetapi kejayaan kita yang cemerlang ini, kejayaan kita yang luar biasa ini yang baru-baru ini telah cuba dikecil-kecilkan oleh wakil dari Kepong dengan membuat analisa-analisa, yang saya tidak ada masa untuk hendak mengulasnya, walau bagaimanapun Yang Berhormat dari Kepong cuba hendak mengecil-ngecilkan kejayaan yang besar ini, tetapi ia tidak dapat hendak menutup matahari dengan sebatang jarinya. Di sini kejayaan kita yang cemerlang itu patutlah menyedarkan kita semua yang telah dipilih oleh rakyat untuk duduk dalam Dewan yang mulia ini mestilah menaruh rasa tanggungjawab yang penuh samada di pihak back-bencher, penyokong-penyokong Kerajaan atau di pihak bangku-bangku Kerajaan dan Menteri-menteri yang ada. Kita telah mendapat kepercayaan dan kemenangan yang begitu besar, dari itu kita jangan lupa dan leka daripada tanggungjawab kita.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menguatkan perkara ini dengan memberi nasihat dalam satu ucapannya, kalau tidak salah di Trengganu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berpesan kepada Wakil-wakil Rakyat supaya ditukar dan diganti panggilan Yang Berhormat itu kepada Yang Berkhidmat. Ini tidak syak lagi adalah satu kesedaran yang besar dari hati dan fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan tanggungjawab Wakil-wakil Rakyat. Dan yang lebih-lebih lagi mesti sedar dalam perkara ini bukanlah Wakil-wakil Rakyat seperti kita back-bencher ini sahaja malah yang lebih mahu sedar supaya berkhidmat ialah Menteri-menteri dan orang-orang yang telah dipertanggungjawabkan untuk memimpin rakyat dan memimpin negara ini. Lebih-lebih lagi dalam soal ini yang patut mesti sedia berkhidmat ialah pegawai-pegawai Kerajaan sendiri, kerana per-

laksanaan sebarang dasar, sebarang polisi untuk menjayakan sesuatu yang kita maksudkan bagi kebaikan rakyat dan negara adalah sebulat-bulatnya di tangan pegawai-pegawai. Kiranya pegawai-pegawai ini tidak bersifat jujur, tidak bersifat didikasi dan tidak bersikap hendak berkhidmat kepada rakyat, maka sia-sialah kemenangan kita yang begitu cemerlang dalam pandangan rakyat, yang boleh membinasakan dan menghancurkan Kerajaan dan Dewan ini dan segala apa yang ada diputuskan dalam Dewan ini ialah pegawai-pegawai Kerajaan samada yang ada dalam Kementerian-kementerian ataupun pegawai-pegawai yang diperbantukan kepada agensi-agensi Kerajaan yang ditubuhkan untuk menolong rakyat dalam tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada soal keganasan kominis dalam tanah-air kita ini. Nampaknya dalam masa yang akhir-akhir ini jarang benar kita mendengar kejadian-kejadian ganas kominis yang ada di dalam hutan. Sungguhpun kejadian-kejadian ganas yang dibuat oleh kominis dalam hutan itu nampak reda, saya tidak berani hendak mengatakan sudah hapus, tetapi kejadian-kejadian buruk dalam towns atau dalam bandar-bandar makin menjadi-jadi. Rompak, bunuh, rape dan entah apa lagi kejadian jenayah yang ada berlaku dalam tanahair kita ini. Saya harap soal ini akan mendapat perhatian daripada Kementerian dan Kerajaan seluruhnya supaya kejadian-kejadian ini dapat dihapuskan. Kalau tidak dapat pun dihapuskan, dapat dikurangkan bahayanya atas masyarakat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada keluar berita-berita di dalam surat khabar, iaitu kenyataan pemimpin-pemimpin kita berkenaan perpecahan yang ada berlaku dalam Parti Kominis. Pada saya walaupun kominis berpecah sepuluh, bukan tiga sahaja, sebagaimana yang telah diberitahu kepada kita, tetapi mereka itu tetap kominis, dan bencana kominis memang satu bencana yang patut diawasi. Jadi, janganlah kita leka atau berseronok mengatakan nothing to fear atau tidak ada benda yang patut kita bimbangkan, tidak ada perkara yang patut kita takutkan, kerana kominis sendiri telah berkecai dan berpecah-belah. Saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan mempunyai sikap bahawa sungguhpun Parti Kominis ini telah berpecah, Kerajaan masih tetap waspada memerhatikan gerak-geri mereka. Tetapi apa yang saya

tidak mahu rakyat kita terkeliru membacakan kenyataan yang mengatakan komunis berpecah, saya bimbang rakyat akan ambil mudah, ambil ringan, komunis sudah berpecah, apa lagi hendak takut. Jadi, ini yang kita bimbang. Kita berkehendakkan bukan sahaja Kerajaan waspada, tetapi rakyat juga mahulah waspada. Tetapi memikirkan perpecahan komunis ini, saya pun susah hendak membuat analisa kenapa parti komunis ini berpecah begitu hebat sekarang ini. Komunis dalam tanahair kita bukan baru lahir setahun dua atau sepuluh, dua puluh tahun. Komunis dalam tanahair kita telah lama ada hanya kegiatan mereka itu ada kalanya memuncak dan ada kalanya reda, tetapi mereka sentiasa ada dalam negeri kita ini. Apa sebab mereka berpecah, saya berfikir barangkali boleh jadi kerana kita mengadakan hubungan diplomatik dengan banyak negara-negara komunis agaknya. Ini yang menjadikan mereka pecah-belah sama sendiri. Kalau inilah sebabnya, buatlah lagi banyak-banyak diplomatik relations dengan negara-negara komunis supaya makin banyak mereka berpecah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada soal inflasi. Sekarang ini ada pula satu perkataan baru iaitu stagflasi, entah apa lagi yang ada. Yang sebenarnya, inflasi, stagflasi dan apa lagi istilah perkataan baru yang akan datang di dalam bidang ilmu ekonomi, satu sahaja kesimpulannya pada saya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sistem ekonomi yang dipakai oleh dunia pada hari ini adalah satu sistem lapuk yang telah gagal untuk menghadapi hal keadaan perkembangan manusia dalam dunia ini. Saya sentiasa suka mengulang tidak ada seorang ekonomis yang ada dalam dunia ini dapat memberitahu satu jalan untuk mengatasi inflasi yang ada dalam tanahair kita ini ataupun dalam dunia yang ada sekarang ini. Sudahlah ada inflasi diikuti pula dengan kemerosotan ekonomi. Itulah yang agaknya dikatakan inflasi campur kemerosotan ekonomi itu yang dipanggil stagflasi, entah apa bala lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dunia patut memikirkan satu sistem ekonomi baru untuk menggantikan sistem-sistem ekonomi yang lapuk yang ada dalam dunia ini. Kita telah mengalami sistem kapitalis, sistem komunis dan sosialis. Saya fikir inilah masanya sebagai seorang Islam yang kukuh pegangannya kepada ugama dan ajaran ugama, barangkali keadaan-keadaan yang menimpa

manusia ini dan kemelaratannya hidup manusia dalam dunia ini kerana Tuhan hendak menunjukkan bahawa kepandaian manusia tidak sampai ke mana, mereka mesti rujuk balik kepada ajaran-ajaran yang telah diturunkan melalui Rasul-rasul (Prophets) yang telah diutusnyanya kepada manusia. Dan saya berharap Kerajaan kita akan mengambil inisiatif dan daya-utama dalam perkara ini untuk memimpin dunia kepada satu arah sistem ekonomi yang baru.

Nampaknya, untuk memerangi inflasi ini, kita telah mendengar nasihat daripada pemimpin kita supaya kita tumpukan kepada agriculture. Saya fikir itu boleh jadi satu jalan yang baik untuk mengatasi dan mengubat penyakit yang sedang menimpa negara kita ini. Dan di sini saya ingin hendak mencadangkan berkenaan dengan agriculture itu, saya fikir wajib benar Kerajaan memberikan peruntukan yang cukup kepada Kementerian Pertanian supaya dapat meluaskan khidmatnya dan membanyakkan rancangan agriculture ataupun pertanian dalam tanahair kita ini. Perkara yang besar berkenaan agriculture ini ialah untuk menyediakan makanan yang cukup bagi penduduk negara kita. Di dalam tanahair kita ini tempat-tempat yang mengeluarkan hasil makanan yang banyak iaitu padi ialah Kedah, Seberang Prai, Perak, Selangor, Negri Sembilan ada tetapi untuk orang kampung cukup makan sahaja. Tetapi kawasan yang membekalkan padi ialah negeri-negeri yang saya sebutkan, dan di Pantai Timur saya tak patut lupakan, kerana kita telah berbelanja berpuluh-puluh juta untuk Rancangan Kemubu, iaitu Kelantan. Dan di negeri daripada mana saya datang iaitu Johor boleh dikatakan tidak ada penanaman padi secara besar-besaran, kalau pun ada hanyalah secara kecil-kecilan sahaja tidak mencukupi untuk dimakan oleh orang-orang yang bekerja untuk menanam padi itu. Tetapi di negeri Johor, kalau tak salah, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Johor telah berbelanja berjuta-juta ringgit menyediakan parit-parit di Mersing dalam satu kawasan yang tidak kurang daripada 7,000 ekar untuk tanaman padi. Jadi, saya harap daripada Kerajaan supaya menoleh ke Johor supaya menggunakan kawasan yang tidak kurang daripada 7,000 ekar itu untuk membanyakkan pengeluaran padi kita.

Berkenaan dengan pelajaran, sambil saya mengalu-alukan Jawatankuasa untuk menyemak pelaksanaan dasar pelajaran, saya juga ingin mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada sahabat saya Yang Berhormat wakil dari Kubang Pasu yang dilantik menjadi Menteri Pelajaran. Saya mengucapkan tahniah atas lantikan beliau dan saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang ada sekarang ini akan dapat menjalankan tugasnya dengan baik bagi kepentingan negara dan bagi kepentingan semua rakyat dalam tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa ada satu minit lagi!

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat-sangat tertarik hati dengan Menteri Pelajaran yang baru ini, kerana tak banyak membaca berita-berita berkenaan dengannya dalam surat-khabar, dalam radio dan TV mengatakan Yang Berhormat Menteri itu pergi hadir majlis menyampaikan hadiah Hari Kanak-kanak, seperti mana yang kita biasa dengar dahulu, tiap-tiap hari kita buka surat-khabar, Menteri Pelajaran menyampaikan hadiah untuk Children's Day, Hari Ibu-bapa seolah-olah kerja dia tak ada cuma makan angin ke seluruh tanahair. Jadi, nampaknya Menteri yang baharu so far so good dan saya harap keadaan itu akan dapat dikekalkan. Kalau Yang Berhormat Menteri Pelajaran hendak melawat eloklah pergi melawat ke kampung-kampung, melihat keadaan sekolah-sekolah kita di kampung-kampung, kerana orang-orang Melayu khususnya, banyak duduk di luar bandar yang mempunyai kedudukan sekolah yang sangat buruk, guru-guru yang dihantar ke kampung-kampung tidak disediakan dengan rumah. Di kampung-kampung bukan ada rumah sewa macam di bandar. Jadi, ini satu masalah kita tak dapat hendak menghantar guru-guru yang baik yang mempunyai kelulusan yang baik untuk ke kampung-kampung, kerana tidak ada kemudahan kemudahan di kampung. Dalam hal ini bolehlah Menteri Pelajaran melawat ke kampung-kampung dalam tanahair kita, tak usah pergi jauh, kalau Yang Berhormat hendak melawat sekolah-sekolah di kawasan saya, saya sedia menyambutnya di sana, untuk melihat keadaan sekolah-sekolah di dalam kawasan saya sendiri.

Satu masalah lagi, yang tak patut saya tinggalkan ialah masalah kesihatan. Banyak rakan-rakan saya telah bercakap sebelum daripada saya yang telah menyentuh soal ini, tetapi saya di sini hendak mengambil sikap seorang yang bercakap untuk kawasan sendiri, bukan secara keseluruhannya. Kawasan saya boleh dikatakan remote area, satu kawasan mundur yang payah dan sukar soal perhubungan dan salah satu daripada kawasan saya itu dipanggil dengan nama Pengerang. Saya telah dengar Kerajaan hendak mengadakan sick-bay di Pengerang sejak bertahun-tahun, tetapi sampai hari ini haram tak jumpa sick-bay itu. Pengerang ini satu kawasan yang terpencil, tidak ada jalan lain untuk pergi ke Pengerang sekarang, melainkan melalui Singapura daripada Changi dengan menggunakan bot memakan masa berjam-jam lamanya. Kalau datang daripada Kota Tinggi ke Pengerang dengan jalan sungai memakan masa 5-6 jam melalui sungai. Ini satu kawasan yang memerlukan perhatian berat daripada pihak Kementerian Kesihatan. Pada masa dahulu perkataan sick-bay bila kita sebut di kampung, Kerajaan akan mengadakan sick-bay, mereka tak mengerti perkataan sick-bay itu, tetapi sekarang mereka sudah masak dan perkataan itu lancar disebut, tetapi sick-bay itu tidak diadakan, perkataannya sahaja yang kita jumpai dalam kawasan saya, tetapi bendanya tak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ada banyak lagi masalah, tetapi saya beri peluang kepada Ahli yang lain.

5.20 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bermurah hati melafaskan Titah Ucapan pada 6 haribulan November yang lalu.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I am speaking as a doctor on the pains and miseries suffered by thousands of our Malaysian women who are victims of illegal abortions. This problem I am going to discuss is quite different from what you have so far heard for the last two days. I wish

now to express my humble views in this gracious meeting as to why our Government should relax or broaden the current laws on abortion.

Mr Speaker, Sir, illegal abortion is a major unsolved health and social problem in our country. It is an unsolved problem because our antiquated legal statutes and timid medical profession leave women in need of help with no alternative but to seek out illegal abortionists. It is a major problem because the incidence of illegal abortion in this country is very high and therefore has involved a significant number of our women and men in their lives.

Mr Speaker, Sir, first, let us look at the estimated incidence of abortions in Peninsular Malaysia and try to gauge its significance in terms of known characteristics of the population. The legal therapeutic abortion involving surgical procedures in Peninsular Malaysia has been estimated at about 22,000 to 25,000 annually. The estimated number of illegal or criminal abortion ranges between 7,000 to 8,000 also per year, that is about 25% of the total number of abortions performed in our country. It is also further estimated that between 85% and 90% of the illegal abortions involved married women. It is also noted that many women between the ages of 20 to 44, i.e. within the child-bearing age, who have died and the cause of death is stated in the hospital death certificates as "Sudah mati sebab demam sakit" or "fits", 20% of whom died of septic abortions, i.e. they died of infections during abortions performed by unqualified quack abortionists.

These are facts and figures available on record. Those that went unrecorded for reasons like fear of bringing shame to the individual or to the family and or for fear of the law catching upon them will never be known, though it is understood that the figures will reach several thousands per year.

Mr Speaker, Sir, under current legal statutes abortion is not an offence if it is performed in a licensed hospital or with any of the following justifications:

- (1) The abortion is medically advisable because continuance of the pregnancy involves substantial risk that mother or child will suffer grave and irremediable impairment of physical or mental health; or

- (2) The pregnancy resulted from forcible rape; or
- (3) If there is a high probability of defect in the foetus, serious physical or psychological impairment of the mother should she carry the foetus to term and if in the presence of these circumstances it is satisfied by at least two doctors that a legal abortion will be possible under the present Code.

Mr Speaker, Sir, we see that there is very little recognition of the major reason why so many women seek illegal abortions.

The simple facts of the matter are that very few of the women who seek illegal abortions have been exposed to German measles or fear of a deformed foetus. This is not the reason. Few have serious heart or liver conditions; fewer still have been raped by a stranger or by their own father; only a small proportion is unmarried and unwilling to marry the fathers of the potential children they carry. I would say the most typical case involves a married woman who does not want to have another child. Mr Speaker, Sir, is it good that a woman who does not want a child should bear one? An abundant literature in psychology and sociology proves that the unwanted children are a social danger and unwanted children are more likely than others to grow up in psychologically unhealthy homes; they are more likely than others to become delinquents and, when they become parents themselves, they are more likely than others to be poor parents themselves and breed another generation of unwanted children.

In this day of the population explosion, society has no reason to encourage the birth of more children, but it has a tremendous interest in encouraging the birth of more wanted children. Mr Speaker, Sir, I shall list four principal considerations why I advocate a broadening or relaxation of our abortion laws;

Firstly, premarital sexual relations are more common today than perhaps ever before. The result is an increase in the number of illegitimate pregnancies and an easier abortion or a standard abortion is sought as a way of avoiding the disgrace or inconvenience of illegitimacy.

Secondly, pregnancies sometimes occur even among those who habitually use contraceptives. In one study it says:

"No matter how effective the contraceptive"—for example, the mother forgets to take the pills etc.—"and when all else fails, abortion may be the only answer. In such cases, the already established determination of one or both parents to prevent the birth of a child tends to predispose them to abortion when contraceptive fails."

Thirdly, the pressure of easing restrictions on abortions is said to be aimed at depriving illegal abortionists of their business, it is asserted, because stringent abortion laws leave many with no other alternatives.

Fourthly, the choice of abortion is a woman's right with which no one else should be allowed to interfere.

I am for the school of thought of some of those who are firmly committed to the fight for relaxation or broadening of abortion laws, although actually the real solution is to remove all laws on abortion. Mr Speaker, Sir, relaxation of the abortion laws will exempt doctors from making painful decisions and will assure parents who choose abortion that their choice is socially acceptable. Above all, it will also mark the final stage in feminine emancipation, i.e. the right of every woman to legalised abortion.

In the majority of cases abortion involving married women is an unpublicised birth control measure. The publicised ones are the pills, IUCD, etc. Under the present Penal Code, a woman who did not want a second or third or fifth child would still have to be rejected by physicians and hospital abortion boards as not meeting the requirements of the law. She will still be faced with the cruel choice between deceitfully lying in order to get a legal abortion or being honest about her motivation and seek an illegal abortion somewhere.

Mr Speaker, Sir, in countries such as Japan and the Soviet Union, their models of laws have drastically reduced the incidence of illegal abortions. This is accomplished only by making abortion the decision of the women alone or in consultation with their doctor whom they usually trust to be

performed in any public or private clinic with no legal statute imposing penalties on any party to such proceedings. In short, no criminal sanction should be applicable to an abortion performed in a hospital or a private clinic by a fully qualified registered doctor so long as this is the decision, freely made, of the woman herself. It assumes that no woman should bear any child she does not want, whatever her reason with no medical committee or legal statute interfering in her personal decision.

Tuan Speaker, Sir, I wish to conclude by saying that our Government should look upon this as a serious problem of national importance.

5.30 p.m.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian berucap di atas Titah di-Raja, dan di sini saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Lee Lam Thye: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, in the Royal Address declaring open this First Session of the Fourth Parliament, His Majesty spoke of the "recent national election which was held peacefully" and that this proved that "the people firmly believe in the concept of Parliamentary democracy."

Tuan Yang di-Pertua, if we are genuine and faithful believers and practitioners of Parliamentary democracy in our country, then we cannot afford to ignore the seriousness of what happened in the recent general election when more than a quarter of a million voters were deprived of their voting rights resulting in their inability to cast their ballot papers at the ballot boxes.

It is highly deplorable that the Election Commission which is supposed to be an independent body responsible for the registration of voters

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak boleh mengkritik Election Commission, melainkan membawa usul ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh mengkritik conduct or character of individual members. Kalau bercakap dengan amnya, boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, I did not speak on the character of the Chairman of the Election Commission.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, saya hendak tengok. (Pause)

" The conduct or character of members of the Armed Forces Council or of any Services Commission or members of the Election Commission . . . shall not be referred to "

Kalau Ahli Yang Berhormat hendak sentuh secara am, boleh. Tetapi atas tubuh ahli Election Commissionnya, tidak boleh disentuh. (*Kepada Peguam Negara*) Yang Berhormat Peguam Negara, bersetuju?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Bersetuju!

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apart from telling those voters whose names have been left out of the electoral rolls to write in to the Election Commission and give details for checking and verification, the Commission had not done anything positive to establish the real causes of the missing names in the electoral register.

We have proposed, and we will propose here again, that there must be a high level Commission of Inquiry to look into the causes of this mass disenfranchisement of voters. This mass disenfranchisement of voters is an issue of vital importance to the people and it has constituted a severe blow to Parliamentary democracy in our country.

As Honourable Members of this House, we should all be concerned about this matter and we must all see to it that such an unpleasant and deplorable event will never occur again.

Tuan Yang di-Pertua, on the subject of the Election Commission, I would like to touch briefly on the system of voters registration in our country. The present system of voters registration is highly unsatisfactory. Presently, the Election Commission only allocates a month's period to register new voters and check the existing electoral rolls at the same

time. This is grossly inadequate. Members of the public are highly dissatisfied with the present system as many of them could not get themselves registered within the one-month period. In the interests of Parliamentary democracy, we would like to propose here that the Election Commission should adopt a new system of voters registration where voters could be registered on an all-year round basis.

Furthermore, we would also propose that voters registration forms must be given to all political parties so that they can fully and more effectively assist in registering new and eligible voters. This is only logical because political parties are the first place where people go to when they want to register themselves as eligible voters.

Lastly, we feel that the time has come to make voting compulsory in our country, so that all Malaysians can play an effective part in the development of our country.

The Government should also consider reducing the voting age from 21 to 18.

Tuan Yang di-Pertua, one of the biggest economic problems facing us today is the mad spiralling of prices in the country. It is an undeniable fact that during the last two years inflation has become our No. 1 national problem. Not a day passes without some new price increase or other, thus further pushing up the cost of living in our country.

The continuous and rapid rise in prices of goods and essential commodities accompanied by the continuous fall in the purchasing power of the Malaysian ringgit has brought acute sufferings and hardships to the majority of Malaysians who have low or fixed income.

The consumers and the poor have been made to bear the full brunt of inflation with the rich getting away scot-free. All the price increases, whether stemming from imported or domestic inflation, price-fixing by monopoly enterprises, artificial manipulation of the market, or from the Government's highly inflationary fiscal policies, such as the Sales Tax, are simply passed on to the final consumers.

Inflation is a serious problem because it makes inequalities worse, both of income and of wealth, and is especially harmful to the poorer sections of the community. Inflation

is one of the major causes of the mounting industrial unrest in various parts of the country and unless inflation is brought under check and control, the Second Malaysia Plan's objective of eradicating poverty by raising income levels for all Malaysian, irrespective of race, is doomed to failure.

The purchasing power of the lower income groups of Malaysians has literally been halved, creating untold hardship on their livelihood and their ability to maintain their children in schools.

Although His Majesty has stated that the Government's fiscal and monetary measures taken so far to combat inflation had been "effective", however if we look back at the Government's performance it cannot be said that the Government has a creditable record. Prices of essential commodities still go up and, as we read recently in the newspapers, the price of sugar has gone up 50 cents to 60 cents a kati.

The D.A.P. wants to call for a more systematic, sustained and single-minded effort on the part of the Government to curb inflation and protect the interests of the poor consumers. In this connection, we want to reiterate our call to the Government to adopt the following measures which we think will form the proper basis for any package programme to tackle the problem of inflation:

- (1) The Government must review the whole range of indirect taxation in this country which is retrogressive as it bears more heavily on the poor than the rich. The Government should reduce all forms of indirect taxation which under the present circumstances aggravated the inflationary forces. Thus the Government should abolish the 4% Surtax on imports, abolish the 5% Sales Tax, and reduce drastically all import duties, so that the cheaper products and imports from other countries can enter Malaysia with the least restraint;
- (2) Set up a Special Department of Consumer Affairs in the Ministry of Trade and Industry specifically charged with the task of protecting the interest of the consumers;
- (3) Establish a Fair Prices Tribunal with power to veto any price increases or receive complaints by consumers about

any unfair pricing as this will go a long way to check inflation; and

- (4) Adopt a "Cheap Food" policy by bringing down the prices of foodstuffs through a price freeze of all foodstuffs, additional subsidies for essential commodities and an embargo on export of local foodstuffs as well as a campaign to encourage Malaysians to grow more food.

Tuan Yang di-Pertua, I note from His Majesty's Address that in tackling the problem of "stagflasi" or "stagflation", emphasis must and should be given to food production as "our country is endowed with fertile land" so that the dynamism and resilience of the people can be fully utilised.

No one will dispute the fact that in meeting the problem of stagflation and lessening its effects steps must be taken to increase food production in our country. However, I would like to point out that this national objective of the Government could only be fulfilled provided land is made easily available to all those who are prepared to farm and cultivate.

The State Governments can play a very important role in this respect because land is a State matter. I would like to propose here that the Federal Government should hold discussions with all State Governments on the question of a land-liberalisation policy, so that all State Governments can take part in a national "grow more food" campaign, by parcelling out available land to all Malaysians, probably on a T.O.L. basis or better on a permanent basis.

Unfortunately, at the moment, there are still complaints from the rakyat that applications made by them for land to farm and cultivate had not been approved by the State Governments.

Squatters who depend on land for a living encounter difficulties in applying for land to sustain their livelihood after they have been evicted by the local authorities.

I would like to call on the Government to take steps to rectify this and to ensure that if and when squatters are evicted by the local authorities or by any private developer, those who have to depend on land for farming and cultivation must be given alternate land by the State Government, so that they can

continue to farm and cultivate and contribute their share to increase food production in our country.

Tuan Yang di-Pertua, His Royal Highness had spoken of the need

Tuan Yang di-Pertua: His Majesty!

Tuan Lee Lam Thye: Saya minta maaf. His Majesty had spoken of the need to implement public housing schemes for those with low incomes and who are badly housed.

The challenge to our modern society of rapid population growth and urbanisation is to provide decent housing for our people. Although the problem of housing had been recognised for many years, it cannot be said that we have come close to solving it. In many parts of Malaysia today and in particular the City of Kuala Lumpur, we are faced with the problem of acute housing shortage, especially for the low-income group.

The Government, which in this case is the City Hall Administration, is just unable to solve the acute problem of low-cost housing in the city to meet the demand of the low-income group. Right now, more than 8,000 applicants are on the waiting list for low-cost flats in the city, many of whom applied two to three years ago.

The reasons for this great demand in low-cost housing in a big and fast expanding city like Kuala Lumpur are to be expected. In view of the fact that private housing developers levy such high rates for houses built by them, the low-income groups have no alternative but to turn to the Government for help to apply for low-cost homes. But to the disappointment of many, everytime when an application is made, the applicant is told to wait without knowing how long he or she has to wait. As I said, many who waited did not realise that they had to wait for at least two to three years.

What is the cause of this delay? The answer given by Dewan Bandaraya is that there are insufficient flats to cope with the demand. But surely this is no excuse at all.

Housing is a must for every family and if at all there are not enough flats, then surely it should be the responsibility of the Government to build more flats for the low-income group especially in a big city like Kuala Lumpur.

The whole of the Federal Territory is run by Dewan Bandaraya and it should be in a position to find the land and the money to build more low-cost houses.

In view of the fact that we now have a Ministry of Housing and New Villages, it is essential that our new Minister for Housing and New Villages devise a practical and positive housing policy for implementation. In this connection, I would like to call on the Government to formulate a realistic, imaginative and long-term housing policy with priority in housing production for the lower-income families and also opportunity for home ownership by low-income families at low cost. It should be the Government's objective to work towards a "Home Ownership for the Homeless" scheme aimed at helping the poor in this country to own homes at low cost.

I would also propose here that the Government should have a Central Housing Board to facilitate the implementation of Government housing projects. There must be a long-term well-co-ordinated housing programme defining the participation of the public and private sectors. The Government should subsidise housing to cater for the low-income group.

Consideration should also be given to the provision of and other incentives to stimulate private housing developments in our country.

In view of the fact that building materials are so costly these days, I would like to urge the Government to amend the building by-laws early, so that the use of local construction materials, like timber and other materials, could be made available to provide more homes for the people.

Finally, the Government should take steps to ensure that priority should be given to squatters and tenants living in slums and over-crowded areas when allocating low-cost homes to the people.

Tuan Yang di-Pertua, His Majesty had spoken of the establishment of the Perbadanan Petroliaam Nasional, i.e. PETRONAS, which has been given ownership and control of all matters relating to oil in our country. Oil is an issue of paramount importance to Malaysians and we in the DAP have all along been advocating a National Oil Policy which is aimed at providing cheap fuel and power for Malaysian needs

whether it is for the consumers or for the industries. We must take full advantage of our fortunate position of being an oil producing country—where we produce more than 100,000 barrels a day while we consume only 85,000 barrels, to benefit all Malaysians. Unfortunately, this has not been the case and although we are an oil producing country we are not in any way benefited by our own oil production. We should not allow international oil companies to monopolise profits from our 100,000 barrels a day, while we have to pay higher prices for the 85,000 barrels we consume daily, thus forcing up the prices of power.

The DAP, therefore, calls on PETRONAS to equip itself with the powers to take over the operations of all the international oil companies whether it is refining, marketing or distributing. It should be the objective of PETRONAS to see to the generation of a cheap and fundamental source of power to bring about greater economic and technical changes in our country and also to ensure that oil found in Malaysia should benefit all Malaysians and not foreign oil companies.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi.

Tuan Lee Lam Thye: PETRONAS should also look into the early establishment of a Petroleum Institute to train Malaysians in all fields of oil economics and technology if we want to be self-reliant in the petroleum industry.

On the question of oil again, I would like to take this opportunity to call on the Government to give a categorical undertaking that there will be no further increase in the price of petrol and other oil products in the foreseeable future. This is a matter of great concern to all Malaysians and I look forward to the Government's clarification on this matter.

Tuan Yang di-Pertua, lastly, I would like to speak on this question of E.P.F. His Majesty had spoken of the Government's intention to increase the rate of E.P.F. contributions by employers as well as employees in view of the fact that the present rate was determined several years ago. Essential though this may be, however what is more important is the need for the Government to increase the interest rates of E.P.F. contributions as the present rates were also decided several years ago.

In this connection, the D.A.P. would also like to propose that the present E.P.F. rules should be amended to enable the workers to use their E.P.F. contributions as an advance for the purchase of houses. Many workers today cannot afford to purchase houses on their own and if this amendment can be made, it would help them tremendously to own homes. We would also suggest here that the investment of E.P.F. contributions should be used to build public housing for the workers.

Coming back to the need to increase the rate of E.P.F. contributions by both employers as well as employees, it is only equitable for the employers to increase their share of the contribution more than the worker's share because, if both parties are to pay the same rate, the workers are the ones to suffer a bit as their "take-home" pay will be reduced.

5.46 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa bangga kerana dapat turut menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dalam Titah Baginda kepada Parlimen ini telah menyentuh perkara-perkara yang benar-benar, dikehendaki oleh rakyat ataupun yang sangat-sangat dirasakan oleh rakyat di luar-luar bandar. Ini menunjukkan betapa simpati Duli Yang Maha Mulia itu terhadap penderitaan rakyat.

Saya suka menyentuh yang pertama dalam Ucapan Duli Yang Maha Mulia ialah mengenai dengan mengkaji balik Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Saya berharap pihak Kerajaan atau Jawatankuasa yang mengkaji itu hendaklah benar-benar mengkaji Pelaksanaan Dasar tidak menyentuh Dasar Pelajaran itu sendiri, kerana bagaimana yang kita ketahui Dasar Pelajaran Kebangsaan kita sehingga tahun 1983 akan menggunakan 100% Bahasa Malaysia dalam semua pengajian tinggi. Saya khuatir dalam hal mengkaji dasar ini akan disuarai oleh pihak-pihak yang tertentu menyentuh Dasar Pelajaran Kebangsaan kita dan Bahasa Malaysia kita dalam Pengajian Tinggi, kerana baharu-baharu ini kita sendiri sedar ada suara-suara sumbang yang menyebutkan bahawa kemunduran-kemunduran pelajaran kita ialah dengan sebab Bahasa Malaysia.

menjadi Bahasa Rasmi atau pengajian kita menggunakan Bahasa Malaysia. Ada setengah-setengahnya pula di pengajian tinggi yang pelajar sainsnya atau penuntut-penuntut sainsnya cuba memboikot daripada masuk ke kelas-kelas kerana syarat-syarat yang diberi oleh pihak pengajian tinggi itu kepada mereka supaya lulus Bahasa Malaysia dalam sekian-sekian tahun. Ini menunjukkan bahawa mereka cuba mengganggu-gugat Dasar Pelajaran Nasional kita yang akan menggunakan Bahasa Malaysia hingga ke peringkat pengajian tinggi dalam semua lapisan pelajaran.

Adalah suatu kewajipan dalam mengkaji ini, pihak Kementerian hendaklah memberi satu keyakinan kepada pihak penuntut di semua pengajian tinggi supaya yakin benar-benar bahawa Bahasa Malaysia tidak boleh lagi diganggu-gugat dalam Dasar Pelajaran kita dan menyakinkan bahawa mereka hendaklah menjadi pelupur kepada jenerasi kita sekarang untuk menunjukkan betapa mampu Bahasa Malaysia dalam pengajian tinggi atau di mana-mana universiti juga. Tidaklah seharusnya dengan sebab syarat-syarat yang dikenakan dalam pengajian tinggi itu mengenai Bahasa Malaysia menyebabkan mereka hendak merusuh ataupun menyebabkan mereka tidak mahu masuk ke dalam bilik darjah. Ini boleh dikatakan satu cabaran kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan kita sendiri.

Dalam menyentuh pelajaran sains di sekolah-sekolah, maka patutlah menjadi satu kajian yang teliti oleh Kementerian Pelajaran kerana dasar pelajaran sains di sekolah-sekolah terutama sekali di sekolah kebangsaan hari ini amat menyedihkan. Setengah-setengah sekolah perlaksanaannya sangat mundur dan tidak sesuai dengan Kerajaan yang hendak memberi pelajaran sains yang cukup di sekolah-sekolah atau menggalakkan anak-anak kita dalam pengajaran sains. Hanya yang kita nampak di bandar-bandar sahaja mendapat kemudahan-kemudahan pelajaran sains manakala di luar-luar bandar nama sahaja kelas-kelas sains diadakan, tetapi gurunya tidak cukup, buku-bukunya alat-alatnya dan kelas-kelasnya serta tempat-tempat mengajarnya tidak memuaskan. Dan juga kalau dipohon kepada Kementerian Pelajaran oleh Guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan mengenai alat-alat sains boleh dikatakan memakan masa yang lama untuk mendapatkannya,

tetapi bagi setengah-setengah sekolah bahasa pengantar jenis kebangsaan yang lain senang mendapat peruntukan itu. Ini menunjukkan bahawa suatu pelaksanaan yang berbeza—diskriminasi di dalam pelaksanaan pelajaran sains di sekolah-sekolah. Ini patut dititikberatkan oleh committee pelaksanaan dasar ini. Lihat sahaja keputusan sains tahun lepas di Sekolah-sekolah Kebangsaan amatlah menyedihkan. Ini menunjukkan suatu gejala yang tidak sihat. Sekolah-sekolah yang maju seperti Sekolah Alam Shah, Sekolah Perempuan Kolam Air dan Maktab Kuala Kangsar tidak sampai 30% kelulusan sains, mengapa jadi begini? Dalam hal ini hendaklah dikaji juga mengapa murid-murid ini terlampau mundur, atau setengah-setengah sekolah yang baik yang lengkap alatnya masih tidak mendapat keputusan sains yang baik. Tetapi ada setengah-setengah sekolah Inggeris umpamanya mendapat kelulusan yang baik. Dalam menempatkan guru-guru, alat-alat pengajaran, sistem pengajaran sains di sekolah-sekolah juga mestilah dikaji dengan beratnya kerana sekiranya berlaku lagi kemunduran ini maka harapan kita hendak mengimbangkan pelajaran sains ataupun penuntut-penuntut sains dalam semua kaum di negara kita akan tidak tercapai. Yang sedihnya ialah penuntut-penuntut bumiputra sehinggalah ada penuntut-penuntut bumiputra yang takut masuk belajar pelajaran tinggi sains. Saya tidak tahu mengapa. Mereka bercakap sesama sendiri, kalau kamu ambil jurusan sains, tidak ada harapan akan lulus dalam universiti. Masuk tahun kedua, kita akan habis. Mengapa pemikiran penuntut-penuntut itu jadi begini? Mestilah ada sesuatu yang difikirkan; sesuatu yang menyentuh perasaan mereka. Ini patut dikaji dengan teliti oleh Kementerian Pelajaran dengan memanggil student yang berkenaan itu terutama student bumiputra yang ada di dalam aliran sains; bertanya mereka apa yang berlaku di sana, mengapa mereka begitu takut hendak masuk ke dalam jurusan sains, dan yang anihnya kadang-kadang student itu tidak diterima masuk ke jurusan sains dalam pengajian tinggi di tanah air kita ataupun dianggap barangkali kurang pandai. Tetapi apabila mereka pergi keluar negeri: ke New Zealand, Australia umpamanya mereka mendapat kelulusan sains yang baik. Kelulusan sains yang tinggi. Bukan sahaja tinggi dalam markah bahkan tinggi di antara semua students. Ini telah berlaku. Setengah

daripada mereka itu datangnyanya daripada aliran kebangsaan. Inilah satu pelaksanaan dasar yang patut dikaji benar-benar supaya penuntut-penuntut yang masuk dalam sains ini tidak akan keciwa dalam pelajarannya pada masa yang akan datang. Barangkali masalah kekurangan guru-guru sains di dalam Bahasa Malaysia boleh juga disalahkan. Kementerian Pelajaran mestilah mengambil satu sikap mengadakan satu kursus intensif kepada guru-guru sains supaya dapat mengajar dalam Bahasa Malaysia. Seperti yang dibuat kursus intensif kepada guru-guru bukan Melayu untuk mengajar pelajaran di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dalam Bahasa Malaysia. Ini telah mendapat hasil yang baik. Waktu Dasar Pelajaran Nasional dilaksanakan pada tahun 1970 semua orang mengatakan bahawa tidak boleh dijalankan kerana tidak ada guru-guru yang boleh mengajar di dalam Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Tetapi apabila Kementerian melatih dengan secara intensif pelajaran bahasa selama 6 bulan, setahun, maka telah dapat kejayaan. Hari ini, tidak ada kita dengar lagi guru-guru bukan Melayu yang tidak boleh mengajar Bahasa Malaysia. Begitulah juga hendaknya dibuat dalam pengajaran sains.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh sistem bantuan buku ke sekolah-sekolah, ini pun patut dikaji, saya tidak tahu sistem yang dibuat sekarang, tetapi sistem dahulu kadang-kadang bantuan buku sehingga bulan Ogos belum dapat lagi. Nama sahaja Kementerian memberi bantuan \$20-30 juta tetapi buku tidak sampai kepada penuntut. Apabila kita bertanya kepada guru, katanya kedai tidak mahu jual kepada Guru Besar dengan sebab Guru Besar tidak boleh membayar tunai untuk mendapatkan buku. Kementerian Pelajaran hanya membayar dengan cara voucher. Voucher, katanya boleh dapat 6-8 bulan kemudian. Ini tentu sekali tidak diberi oleh kedai buku kepada guru Besar. Sistem cara membeli buku di sekolah-sekolah untuk anak-anak kita terutama sekali murid-murid di luar bandar patut dikaji semula supaya buku-buku itu awal-awal lagi didapati. Sekolah berkehendakkan buku dalam bulan Januari, sepatutnya bulan Disember sudah dapat buku. Hari ini pun kalau kita pergi ke sekolah-sekolah amatlah menyedihkan. Dekat hendak periksa setengah tahun buku sekolah pun belum sampai terutama penuntut di luar bandar. Dalam

bandar boleh jadi ibu-bapa mampu membelinya sendiri. Saya berharap bahawa ini akan menjadi satu perhatian yang berat oleh Kementerian Pelajaran.

Dalam dasar hendak membanyakkan tenaga manusia dan menyesuaikan dengan keadaan kehendak Malaysia yang moden, saya syorkan supaya Kementerian Pelajaran mengadakan lebih banyak sekolah-sekolah vokesyenal, janganlah dikekalkan sistem sekolah yang biasa hari ini yang mengeluarkan hanya penuntut-penuntutnya untuk makan gaji biasa; adakanlah sekolah-sekolah vokesyenal yang mengajar pengetahuan kemahiran yang ada hubungan dengan kampung mereka. Umpamanya vokesyenal berkenaan dengan keadaan padi, bagaimana hendak membuat barang-barang daripada batang padi, ataupun daripada perkara-perkara tempurung, sabut, begitu juga dari bahan-bahan makanan. Student kita yang seperti ini dialirkan mereka itu kepada vokesyenal yang berkaitan supaya apabila mereka keluar dapat sekurang-kurangnya mampu mencari kehidupan sendiri dan boleh berniaga kecil dan sebagainya. Banyakkanlah vokesyenal yang berkaitan dengan bahan-bahan tanahair kita di kampung masing-masing. Rasa saya tanahair kita cukup banyak bahan-bahan ini, tetapi kita tidak beri pengetahuan itu kepada anak-anak kita. Hanya memberi pengetahuan membaca, menulis mencari sijil dalam peperiksaan dan untuk makan gaji. Harus di sini kita belajar dari Jepun, bagaimana Jepun melatih anak-anak mudanya pengetahuan mengenai kemahiran sehingga menjadi satu negara yang terkenal dalam lapangan ekonomi dunia.

Menyentuh berkenaan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan rancangan rumah untuk rakyat yang bergaji kecil, saya suka menyentuh di sini terutama sekali patut kita memberi perhatian bukan sahaja kepada rakyat biasa tetapi juga kepada anggota Pasukan Keselamatan, pahlawan-pahlawan kita, perwira-perwira kita yang berjuang di sempadan. Cuba kita perhatikan hari ini, bagaimana nasib mereka itu dengan rumahtangganya. Seorang perajurit tidak mampu hendak hidup di sebuah rumah yang ada mempunyai api sendiri, air sendiri yang tidak dikontrol oleh orang, untuk anaknya boleh membaca sampai pukul berapa pun dan waktu malam boleh melihat talivisyen sendiri, tetapi masih

banyak perajurit kita yang tidak ada rumah-tangga, yang menyewa barangkali di belakang rumah orang yang dikontrol oleh tuan rumah, apinya pukul sekian sahaja ditutup, air sekian banyak dipakai. Bagaimana hati perajurit kita yang duduk di sempadan hendak berjuang untuk negara bagi menjaga keselamatan negara, kalaulah anak isterinya duduk di dalam keadaan yang begitu rupa. Saya harap pihak Kerajaan akan memberi keutamaan top priority dalam mengadakan rumah-rumah murah kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita ataupun perajurit kita yang sangat berkehendakkan tempat kediaman yang sekurangkangnya rihaat tidaklah kediaman yang lumayan sangat ataupun yang berlagak sebagai orang kaya, tidak. Mereka berkehendakkan sebagai seorang manusia biasa yang boleh hidup dengan merdeka sedikit dalam rumah terrace yang kecil ada mempunyai api air sendiri, boleh melihat T.V. sendiri, anak-anaknya boleh belajar sampai pukul berapa yang suka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Embong bin Yahya: Ya. Menyentuh berkenaan dengan hal Dasar Ekonomi Baru, kita berharap bahawa semua badan-badan agensi-agensi Kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bukan sahaja mengutamakan penyertaan bumiputra dalam perniagaan, tetapi juga menitik beratkanlah bagaimana hendak melatih sebanyak-banyaknya bumiputra dalam bidang kemahiran. Kerana apabila kita memasuki lapangan perniagaan semua orang mengatakan kita tidak ada kepandaian. Gunakanlah S.E.D.C. di negeri atau semua badan agensi-agensi Kerajaan, MARA, PERNAS dan lain-lain lagi untuk tujuan ini. Utamakanlah memberi latihan pelajaran kepada anak-anak bumiputra, hendaknya latihan ini diberi setahun atau dua tahun lebih dahulu sebelum satu-satu rancangan yang hendak dibuat, bukan masa itu ditubuhkan rancangan perniagaan, masa itu hendak mencari orang. Umpamanya sesuatu yang patut dipuji ialah seperti yang dibuat oleh MARA dalam memberi kemahiran berkaitan dengan Syarikat Penerbangan MAS kita. Setahun lagi MAS hendak ditubuhkan, MARA sudah menghantar 8 atau 10 orang untuk berlatih dalam jurusan mekanik dan pemandu kapal terbang

ke Australia dan ke Indonesia dan lain-lain, dan apabila mereka itu balik ke tanahair, MAS pun ditubuhkan maka mereka dapat masuk berkhidmat dalam Syarikat Penerbangan MAS. Ini menunjukkan ada penyertaan bumiputra, bukan sahaja menjadi penjual tiket tetapi menjadi engineer dan menjadi pemandu kapal terbang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Sudah lebih sedikit.

Tuan Embong bin Yahya: Biarlah saya tutup ucapan saya. Dan dalam menggulung ucapan ini, saya suka lah menyentuh sedikit lagi

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh, sudah habis perkara yang dibawa itu.

Tuan Embong bin Yahya: Dalam dasar ekonomi, saya harap pihak agensi-agensi Kerajaan memberi satu pandangan yang lebih berat bagi melatih bumiputra dalam bidang kemahiran dan sebagainya. Terima kasih.

6.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Minta pendekan ucapan, sebab ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini untuk melafazkan ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas Titah Ucapannya di Dewan yang mulia ini pada 5hb November yang lalu. Di samping itu saya mengucapkan tahniah di atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua yang baru bersama Timbalannya. Walaupun Tuan Yang di-Pertua dikatakan baru, tetapi sebenarnya telah lama menjadi pemimpin kita di Dewan yang mulia ini semasa menjadi Timbalan dahulu. Saya mengalu-alukan di atas perlantikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sahaja di sini iaitu hanya dalam dua masaalah. Satu, masaalah keselamatan. Saya ingin menyebut tentang keselamatan kerana saya nampak, walaupun keadaan keselamatan di negara kita boleh dikawal, tetapi

jika dipandang secara lebih mendalam kita dapati keadaan keselamatan sebenarnya kurang menyenangkan. Kita dapati keadaan Semenanjung Malaysia ini diancam oleh dua musuh, iaitu musuh kominis dan penjenayah. Kita dapati kejadian-kejadian membakar harta Kerajaan, pembunuhan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang penting, penanaman bom adalah menjadi-jadi. Kejadian merompak, menyamun, mencuri dan membunuh adalah berlaku setiap masa. Kita boleh membaca berita ini setiap hari di akhbar-akhbar dan kadang-kadang beritanya lebih penting daripada ucapan Perdana Menteri. Sekarang kita dapati rakyat Malaysia berada dalam keadaan takut, khasnya peniaga-peniaga dan orang-orang yang menjalankan tugas penting hatta setengah-setengah peniaga terpaksa menggaji pegawai keselamatan persendirian. Setengahnya pula apakala malam terpaksa barang-barang dipindahkan ke tempat yang lebih sulit dan setengah-setengah pegawai di tempat yang tertentu tidak berani berjalan bersendirian. Saya tidak tahu apakah sebab kejadian seperti ini makin merebak. Kes-kes besar makin kerap berlaku, pembunuhan dan perompakan menjadi-jadi. Apakah ini merupakan satu cabaran kepada keselamatan kita? Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini satu perkara yang sangat saya hairan ialah saya nampak setelah kejadian-kejadian ini berlaku, maka kesannya hilang begitu sahaja. Penyiataan nampaknya kurang mendapat hasil yang diperlukan, hatta kita dapati seolah-olah pihak kominis dan penjenayah adalah lebih pintar dari pasukan kita. Saya bimbang kalaulah keadaan ini berterusan, negara kita akan menghadapi keadaan yang sulit ekonomi yang rosak disebabkan oleh keselamatan yang tidak terjamin dan mungkin pelaburan modal pun tidak begitu rancak. Saya minta supaya hal ini dikaji sedalam-dalamnya dan usaha-usaha untuk membasmiannya harus ditekankan lebih tegas lagi.

Kedua, keadaan inflasi. Sebagai sebuah negara yang banyak berhubung dengan perniagaan luar negeri maka Malaysia tidak dapat lari dari masalah inflasi sebagaimana negeri-negeri yang lain. Cuma yang pasti kita awasi ialah kesan-kesan inflasi perlu tidak dirasakan sangat oleh rakyat negeri ini. Negara kita ada mempunyai bahan-bahan yang mencukupi untuk kita bertindak bagi mengurangkan masalah-masalah itu.

Bagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyatakan:

"Negara kita dianugerah dengan tanah yang subur, hasil bumi yang kaya."

Cuma masalaahnya ialah tanah yang begitu luas masih banyak kita biarkan begitu sahaja. Kita lebih banyak menumpukan kepada tanaman getah dan kelapa sawit, sedangkan jenis yang lain tidak diteroka seluas itu.

Saya mengalu-alukan langkah Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Desa yang bercadang untuk membuka tanah seluas setengah juta ekar bagi projek pertanian, sebagai langkah Kementeriannya di zaman inflasi ini. Kesempatan ini saya ambil dengan mencadangkan agar tanaman padi diperluaskan. Tanah padi yang dapat kita lihat beribu-ribu ekar di negeri yang masih belum dibuka seperti di Trengganu, di Pahang hendaklah dibuka sekarang. Setahu saya masalaah besar di sana ialah kerana kebanyakan tanah itu mengandungi air dalam yang memerlukan parit. Demikian juga masalaah permulaan untuk meneroka tanah yang mengandungi tunggul, gambut, air masam serta musuh babi hutan perlu diatasi. Selain daripada itu, saya syurkan supaya digalakkan tanaman tebu, kerana keadaan harga gula semakin naik. Saya sungguh dukacita dengan kenaikan harga gula ini, kerana menyusahkan rakyat yang berpendapatan rendah, sebab mereka memerlukan gula bagi menambahkan kekuatan tenaga mereka untuk menjalankan kerja yang menggunakan tenaga. Dalam hal ini kita tidak dapat menyalahkan Kerajaan, kerana Kerajaan telah berbuat apa sahaja untuk menolong rakyat dan kenaikan harga gula adalah disebabkan oleh keadaan bahan mentah di pasaran dunia.

Memandangkan kepada keadaan yang ada, saya fikir harga gula akan naik lagi melebihi 60 sen sekati. Tindakan kita ialah mulai sekarang kita perlu mengadakan tanaman tebu dengan menggalakkan rakyat berbuat demikian. Tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berbuat demikian, memandangkan tanah kita yang sesuai bagi tanaman tersebut, tambahan pula di masa dahulu saya dapati rakyat kita bertanam tebu dan mereka mengadakan kilang dengan menggunakan kerbau, lembu ataupun orang. Cuma oleh sebab didapati gula yang diimpot itu putih dan murah maka perusahaan tebu pun hilang. Alangkah baiknya kita mengorak

langkah menghidupkan semula perusahaan orang tua kita dahulu dengan bertanam tebu dan mengadakan kilang-kilang kecil. Di samping itu kita mesti memodenkan sedikit demi sedikit dari masa kesemasa. Jadi dengan demikian, sempurnalah Titah Duli Yang Maha Mulia yang mengatakan lazimnya cabaran-cabaran ada juga membawa peluang-peluang kebaikan yang tersembunyi. Apalagi sekiranya kita hendak menjalankan perusahaan tebu ini secara besar-besaran dengan mengadakan tanaman dan dengan secara berluas-luasan dan juga mengadakan kilang sebesar-sebesarnya, di bawah penyelidikan Badan-badan Kerajaan. Sekianlah sahaja ucapan saya.

6.10 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul mempersembahkan suatu ucapan daripada Majlis ini mengucapkan berbanyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat, dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, we are glad to note that the Government is taking a realistic approach to combat the present economic trend known as stagflation which affects not only Malaysia but also the rest of the world. The measures set out in His Majesty's Speech such as the encouragement to set up more industries using local raw materials like rubber and timber will reduce the effects of recession among the producers of these two commodities in our country, and we urge the Government to pursue the policy of co-operation with other Asian nations to ensure the stability of the prices of the commodities produced by us.

Mr Speaker, Sir, I have been around my constituency which is largely a rubber growing area, and most of the people in my constituency are worried that the present price of rubber, which is forty cents below the average price obtaining in 1973, may even go down further. We are glad that the Government now, as set out in His Majesty's Speech, is tackling the problem of inflation and recession, and we hope that the various measures taken up as set out in His Majesty's Speech will produce the desired result.

Mr Speaker, Sir, I refer to the housing schemes as envisaged in His Majesty's Speech and to the use of timber as a construction material. Mr Speaker, Sir, in New Zealand and in Canada there are many timber houses built for residential purposes, but there such house-owners are able to get mortgage loans from banks, building societies and finance institutions, whereas in this country it is not known whether such institutions will give housing loans for houses built with timber in view of the fire risks. Mr Speaker, Sir, if these banks and finance institutions are not willing to give housing loans, then how will the people, who follow the example set up by the Government, be able to obtain housing loans? People with low income, people who are clerical workers, and people who are not house owners, they require housing loans to be able to buy houses, but if these banks and finance companies do not give housing loans because of the fire risks involved, then we are back to square one.

Mr Speaker, Sir, the same reasoning also will apply in the case of fire insurance premiums and insurance companies. Although insurance companies can say that because houses are built with timber they can increase the fire premium, they are not bound, Mr Speaker, Sir, to accept fire insurance on timber houses if they refuse to take the risk. Therefore, I suggest that Government should consider this matter and alleviate or reduce the possibilities of insurance companies refusing to insure timber houses by way of legislation or otherwise.

Mr Speaker, Sir, private housing developers in this country would like to play a bigger role especially in building houses in areas where the housing problem is acute. But the difficulties they encounter in certain areas are enough to make them run away from these areas. I refer, Mr Speaker, Sir, to certain areas which are known locally as "developers' graveyards". It is a well known fact that it takes many years for an application to convert agricultural land into building land to be approved, and it takes the same number of years for a sub-division to be approved. And if these housing developers who want to help low-income people are forced to borrow money to buy land and pay bank interest, then it is a case of passing the buck. They will pass the interest that they pay on to the house-owners, and that is the reason why we

see in this country prices of houses rising to about 300 to 400 per cent since 1972. Mr Speaker, Sir, that is why if the Government can take up the matter with the State Governments and try to reduce the bottlenecks in the procedures for the approval of housing land under the National Land Code, then the price of houses will not rise and we will not be faced with inflation. If the price of houses and land goes up, this is a vicious spiral because the cost of living automatically will go up, and therefore inflation will remain with us, in spite of the fact that the Government is now encouraging crash housing schemes and various housing schemes. I suggest, Mr Speaker, Sir, that the Government should take up this matter seriously because the prices of houses in spite of recession being round the corner, still remain the same, except probably in Kuala Lumpur where there is only a slight reduction as far as this year is concerned. Mr Speaker, Sir, I urge the Government to pay more attention to low-cost housing especially in the rural areas where the income level is much lower than that obtaining among town dwellers.

Mr Speaker, Sir, we have instances where previous speakers in this honourable House have spoken of the Minister of Education touring the various schools, and I support the proposal put up just now that the Education Ministry should pay more attention to Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan—not only Malay schools and national-type schools but also Chinese and Tamil schools—in rubber estates and in new villages where the conditions of these schools are dilapidated and where extensions are required. I have had complaints and letters from my constituents that they have petitioned to the Ministry for repairs and for extensions to their schools, and up till now they have not had a reply. I would urge the Government to look into this matter, especially as the education of our children is a vital matter towards the building of responsible citizens in this country who will observe the tenets of the Rukunegara.

Mr Speaker, Sir, we are gratified to note that the Prime Minister has said, in answer to an oral question yesterday, that there is a Jawatankuasa Penyelidikan set up by the Elections Commission in respect of the missing voters. I would suggest, Mr Speaker, Sir, that the Election Commission should scrutinise this matter and pay more attention to getting back the missing voters. Although

it is said that only 4,133 missing voters registered themselves under the exercise, I would suggest that there are a lot more voters who are still missing from the list and who are not aware of this exercise and that therefore the Government should repeat this exercise once more and that every Honourable Member in this House should help to see that the constituents who had complained to them during the recent general elections that though they had voted in 1964 and in 1969 but were unable to vote in 1974, got themselves re-registered once more.

Mr Speaker, Sir, I refer also to the crash housing schemes set out in His Majesty's Speech. There is a new Act known as the Street Drainage and Building Act, 1974. As far as we know, Mr Speaker, Sir, it applies only to the Federal Territory but most of the States in Peninsular Malaysia have not taken off and repealed the old Town Board Enactments and the old Building Bye-laws. Now, in every State in Peninsular Malaysia, we have the old antiquated bye-laws which were made up by the British during the colonial days where it is stipulated that the ceiling should be 12 feet at least, whereas the new bye-laws under the Street Drainage and Building Act state that it should only be 10 feet, there is one possibility of the cost of building houses being reduced if we were to amend and have new bye-laws to conform with existing conditions in this country and also with a view to reducing the cost of building materials.

Finally, I would like to express once more that we support the Motion put up by the Honourable Member of this House, Datuk Stephen Yong Kuet Tze that an humble Address of Thanks be presented to His Majesty for his Speech from the Throne.

6.23 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah dan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tanggal 5hb yang lalu yang mana di antara lain ada menyentuh:

“Pembangunan ekonomi hendaklah juga disertai dengan pembangunan kerohanian, terutamanya di kalangan muda mudi. Pembangunan akhlak tidaklah harus diabaikan. Usaha memupukkan akhlak

yang mulia di kalangan rakyat memerlukan didikan dan pelajaran akhlak yang lebih mendalam di kalangan rakyat."

Tuan Yang di-Pertua, pernah tersiar dalam akhbar, kalau tidak salah ingatan saya dalam bulan September yang lalu, suatu rancangan mengadakan hiburan yang dinamakan "Joget Lambak" atau "Joget Rakyat", minta diadakan bertempat di Taman Bunga (Lake Gardens) sebagai hiburan hujung minggu. Rancangan itu sudahpun mendapat sambutan baik daripada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, menurut akhbar itu.

Joget Lambak Rakyat itu pada hemat saya bukan sahaja terbuka kepada umum untuk bertandak, tetapi tentulah bebas kepada siapa juga membawa pasangan masing-masing untuk bertandak secara beramai-ramai di hari-hari yang ditentukan itu di tempat yang begitu menarik dan romantik yang akan membawa kemeriahan dan keghairahan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya mengadakan Joget Lambak yang bebas begitu akan membawa akibat yang tidak diingini kepada pembangunan tubuh masyarakat negara kita ke hadapan kelak. Walaupun perkembangan kebudayaan harus tercapai, tetapi apalah ertinya perkembangan kebudayaan yang sedikit itu namun pembangunan bangsa jadi morak-marik, akhlaknya pun punah-ranah, keselamatan dan ketenteraman terugat dan juga lebih jauh muda-mudi kita semakin menerejuni lembah kecurangan dan perlanggaran adat resam serta membelakangkan maruah dan kehormatan. Sebab-sebab saya kata begitu kerana bertandak yang bebas dengan pasangan-pasangan yang bebas pula ditambah lagi di tempat yang cukup memberi kebebasan apa sahaja di Taman Bunga itu setelah masing-masing dipengaruhi oleh rasa ghairah dan bernafsu, saya khuatir mereka tidak sahaja sekadar bertandak tetapi terus bertindak. Inilah punca yang sangat merbahaya dan di situlah letaknya punca keruntuhan akhlak. Bila akhlak telah runtuh dan maruah sudah tercabul, kehormatan sudah diberi nilai yang sangat murah, maka hapus dan rubuhlah pula usaha-usaha dakwah kita yang sedang pesat dilancarkan sekarang ini, khususnya di Ibu Kota Bandaraya yang kita muliakan ini. Ini saya teringat kepada satu rangkap shaer dalam

dalam bahasa Arab. Saya minta izin membacakannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terjemahkan dalam bahasa Melayu.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail: Dalam bahasa Melayunya begini:

"Bilakah harinya akan sempurna bangunan itu, apabila kamu menegakkan, sedangkan orang lain merobohkannya".

Di samping itu dalam sejarah joget ini di tanahair kita, satu perkara yang tidak boleh dinapikan pernah terjadi pertengkaran, permusuhan dan berpukul-pukulan di antara sesama peminat joget itu sendiri. Itu berlaku dalam taman-taman hiburan yang terkawal. Maka bagaimanakah pula di luar kawalan. Tentulah bila sudah sangat nafsu pakai sambar-menyambar dan tarik-menarik tanpa sopan dan budi lagi. Maka bencanalah yang akan timbul yang perlukan kepada tenaga pengawasan keamanan, padahal tugas-tugas mereka sekarang ini pun sudah lebih daripada cukup. Janganlah pula hendaknya kerana membangunkan suatu kebudayaan bertambah pula tenaga keamanan yang baru untuk mengawalinya. Ini adalah sia-sia namanya.

Oleh itu, saya menyeru di Dewan yang bertuah, majlis pengharapan rakyat di negara kita ini, sebelum mana-mana pihak mengambil langkah mengharuskan Joget Lambak atau Joget Rakyat ini dijadikan pesta hiburan hujung minggu, hujung bulankah supaya berhati-hati agar jangan menambahkan beban pengawalan keamanan di negeri kita ini. Malah saya kira Joget Lambak atau Joget Rakyat seperti yang dicadangkan itu, baik di mana-mana sahaja, bukan di bandaraya yang mulia ini patutlah dicegah, dilarang dan jangan dibenarkan, sebab keburukan lebih besar daripada menfaatnya, baik di segi pembangunan akhlak, ekonomi hatta dari segi hiburan itu sekali pun.

6.29 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat beberapa hari yang lalu.

Sebagaimana rakan-rakan saya yang lain saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Walaupun pada kali ini pendek dan ringkas tetapi padat dan meliputi segala aspek terutama pembangunan di negara kita sekarang. Saya percaya bukan sahaja kita Ahli-ahli Yang Berhormat, bahkan seluruh rakyat yang benar-benar taat setia kepada negara ini turut sama dengan kita bagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang menarik perhatian saya sebagaimana rakan-rakan saya juga. Saya suka hendak menyentuh dalam bidang pelajaran, kerana pada hemat saya pelajaran adalah perkara yang penting bukan sahaja untuk mendapatkan rakyat dan warganegara yang bijak, berguna dan taat setia, bahkan saya percaya menerusi persekolahan dan pelajaran adalah satu daripada asas untuk menjayakan cita-cita suci bagi menyusun masyarakat Malaysia yang padu, adil dan makmur. Jadi, saya juga turut mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Kabinet yang saya percaya dan yakin serta tak ragu-ragu lagi, sebagaimana kata rakan-rakan saya tadi, saya percaya Jawatankuasa ini akan dapat menguatkan sekru-sekru yang telahpun kuat, mengenai dasar pelajaran kita. Cuma saya suka hendak menekankan di sini kerana saya fikir tak payahlah hendak memperkatakan tentang perkara lain, tetapi yang penting dalam masaalah pelajaran ini ialah didikan akhlak, budi pekerti dan taat setia yang patut diperhatikan sejak di bangku sekolah lagi.

Masaalah akhlak yang selalu diperkatakan daripada satu masa kesemasa, pelajaran ugama hendaklah dimestikan atau diwajibkan sejak di sekolah rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Begitu juga kita berkehendakkan warganegara atau belia-belie yang berdisiplin dan kalau perlu sebagaimana yang telah dicadangkan, bukan sahaja di peringkat sekolah tinggi, bahkan di sekolah-sekolah menengah pun patut satu pengajian yang bercorak ketenteraan diadakan yang tujuannya untuk melatih berdisiplin. Begitu juga, seperkara yang patut ditekankan supaya kanak-kanak sejak bangku sekolah lagi dilatih cintakan negara dan hormatkan pemimpin-pemimpinnya.

Dengan cara itu tentulah perkara-perkara seperti yang ditimbulkan oleh yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama tidak akan terjadi iaitu apa yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar kita di New Zealand dan di Australia sebagaimana kita ketahui melalui surat-surat khabar beberapa hari yang lalu. Jadi perkara ini patutlah kita ambil perhatian sebab keadaan sekarang kita dapati setengah daripada pelajar-pelajar kita seolah-oleh mereka tak tahu hendak berterima kasih kepada Kerajaan dan negara, tidak menghargai perjuangan pemimpin-pemimpin mereka, terutama perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan di mana segala pembangunan yang ada pada hari ini adalah hasil perjuangan pemimpin-pemimpin kita. Perkara ini patutlah kita ambil perhatian.

Mengenai pelajaran sains dan teknologi, sebagaimana telah disentuh oleh rakan-rakan saya, saya setuju dan saya menyarankan supaya suatu tindakan yang lebih tegas patut dibuat untuk menarik lebih ramai lagi murid-murid cenderung kepada pelajaran sains terutama pelajar-pelajar luar bandar. Tentu-lah langkah-langkah dan kemudahan patut diadakan. Saya suka memberi misal di kawasan saya, di Sekolah Menengah Tan Sri Saadon di Pekan Rengit. Pihak ibu-bapa telahpun membuat permohonan sejak beberapa tahun lalu untuk mengadakan kelas Tingkatan IV Sains, tetapi sehingga sekarang langkah untuk menjayakan perkara itu belum dapat dijalankan, walhal bukan sahaja murid-murid daripada sekolah tersebut, bahkan daripada 5-6 buah sekolah-sekolah menengah rendah yang tidak berjauhan lebih kurang dalam lingkungan 7-8 batu boleh dialihkan ke Tingkatan 4 Sains itu. Pada masa ini ibu-bapa terpaksa menghantar anak-anak mereka yang cenderung dalam bahagian itu ke Batu Pahat yang jauhnya 20 batu lebih yang mana menjadi satu kesulitan, terutama kalau pekerja-pekerja bas mengadakan tindakan perusahaan dan sebagainya. Saya berharap Kementerian berkenaan supaya dapat mengambil perhatian dalam perkara ini. Saya percaya banyak lagi perkara-perkara seperti itu, bukan sahaja di kawasan saya, bahkan di seluruh negara yang boleh melambatkan perlaksanaan untuk mencapai cita-cita pelajaran sains yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pilihanraya, sebagaimana rakan-rakan yang lain, saya juga suka mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah dapat bekerja dengan begitu cekap sehingga dapat mengadakan pilihanraya lebih awal, sebagaimana yang kita telah hadapi beberapa masa yang lalu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Walaupun Suruhanjaya itu bebas tetapi saya berpendapat eloklah kalau ada perkara-perkara yang mengenai Negeri patutlah Suruhanjaya itu mendapatkan pandangan, khususnya daripada Kerajaan Negeri dan juga Pihak-pihak Tempatan. Misalnya, dalam penyusunan kawasan pilihanraya yang lalu dan lain-lain perkara lagi. Dengan cara itu saya percaya dan yakin perkara yang menjadi kesulitan selama ini akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda mengenai perumahan. Ini adalah menjadi hasrat dan cita-cita Kerajaan dan cita-cita rakyat untuk mempunyai rumah sendiri, tetapi apa yang kita ketahui rancangan perumahan, hanya diadakan di bandar-bandar, kalau ada pun di luar bandar hanya di pekan-pekan sahaja. Maksud saya kalau boleh rancangan itu diteruskan ke kampung-kampung termasuk juga kampung nelayan dan rekabentuk rumah itu dapat dirangkakan mengikut keadaan tempat sebagaimana pada masa lalu MARA telah mengadakan rumah-rumah yang sesuai untuk rakyat. Jadi, kalau boleh semua rakyat dapat menikmati rancangan mengikut taraf dan kedudukan masing-masing, maka dengan secara tidak langsung kita dapat mencantikan atau menyamakan bentuk rumah, bukan sahaja di bandar, bahkan di kampung-kampung termasuk kampung nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut berbangga dengan penubuhan Syarikat PETRONAS yang baru ditubuhkan yang mana kita juga setanding dengan negara-negara lain. Kalau di Indonesia dengan Syarikat PERTAMINA. Kita juga berbangga dengan Syarikat PETRONAS kita. Apa yang saya hendak titikberatkan di sini ialah berharap setelah syarikat itu berjalan dengan baik kita tidak akan dengar lagi kekurangan minyak, terutama kekurangan minyak tanah, seperti dalam kawasan

pilihanraya saya. Saya sendiri telah menyasat memang sebenarnya kekurangan itu berlaku, walhal kita tahu penduduk luar bandar di kampung-kampung, mereka berkehendakkan cahaya terang, masak memasak dan sebagainya menerusi minyak tanah. Jadi, saya berharap sementara syarikat itu dapat menjalankan tugas-tugasnya, pihak Kementerian berkenaan hendaklah mengambil tindakan tegas, kerana pihak yang tertentu atau pihak-pihak anti-nasional memang menggunakan cara-cara inilah untuk menentang atau memburuk-burukkan pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kemudahan-kemudahan sosial terutama di kawasan-kawasan luar bandar seperti rancangan letrik dan sebagainya, saya rasa seluruh rakyat adalah mengharapkan kemudahan-kemudahan ini. Saya suka hendak menyentuh sedikit dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan kedudukan di kawasan pilihanraya saya sendiri.

Kawasan pilihanraya saya adalah satu kawasan yang luas daripada Batu Pahat sampailah ke Pekan Rengit. Masaalah letrik selalu dirayukan oleh rakyat, sejak tahun 1960 dahulu, walaupun saya sedar kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pihak yang berkenaan, diharap supaya perkara ini patut diambil perhatian. Bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan saya, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan pada masa yang lalu iaitu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga yang telahpun menyatakan persetujuannya kepada wakil rakyat yang lama yang saya gantikan iaitu Yang Berhormat Tan Sri Haji Sardon bahawa rancangan letrik ke kawasan saya, Batu Pahat ke Rengit akan disiapkan dalam tahun 1974 ini juga yang saya dapat tahu menelan belanja lebih kurang \$1,200,000. Perkara yang saya hendak tekankan di sini bukanlah masaalah penduduk berkehendakkan cahaya terang dan hendakkan talivisyen sahaja. Yang pentingnya penduduk di sana juga inginkan pembangunan-pembangunan. Banyak pihak-pihak swasta hendak mendirikan kilang seperti di tempat-tempat yang lain, tetapi masaalah yang penting ialah masaalah letrik dan air. Jadi dengan kerana tidak adanya kuasa letrik ataupun bekalan letrik di kawasan tersebut rancangan-rancangan itu tak dapat

dijalankan bahkan yang paling teruk sekarang perhubungan talipon ada masa-masanya tak dapat langsung digunakan oleh sebab ketiadaan kuasa letrik dan kuasa letrik yang diadakan oleh pihak swasta di kawasan itu tidaklah mencukupi. Saya berharap dan saya percaya tentulah pihak Kementerian yang berkenaan akan dapat mengambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh mengenai dengan nelayan. Saya rasa masalaah nelayan ini timbul di seluruh negara terutama di Pantai Barat. Dalam kawasan saya sendiri ada dua bahagian perairan: satu bahagian perairan dimana nelayan-nelayan yang telah bersetuju dan telahpun menjalankan pukat tunda dan yang sebahagian lagi tidak dapat menjalankan dan tidak bersetuju dengan cara ini. Maka timbullah pergisiran antara dua pihak. Saya percaya Kementerian dan jabatan yang berkenaan akan dapat mencari satu jalan penyelesaian supaya pergisiran diantara dua pihak ini tidak akan berlarut-larutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak menyentuh sedikit di sini tetapi tidaklah berniat untuk menyentuh perhubungan baik antara kita dengan negara jiran tetangga kita, iaitu selalu kejadian nelayan-nelayan kita mungkin kerana tidak ada satu tanda sempadan antara perairan kita dengan perairan di negara jiran kita telah menyebabkan nelayan-nelayan yang sentiasa hidup dalam kesusahan tiba-tiba kerana kesilapan yang tak disengajakan mereka telah ditangkap kerana masuk kawasan perairannya hingga menyusahkan nelayan-nelayan dan keluarganya sebagaimana baru-baru ini satu kejadian di Minyak Beku, Batu Pahat dan sehingga sekarang belum dapat berita yang sah walaupun berita-berita angin telah didapati. Saya percaya dan yakin untuk mengurangkan penderitaan nelayan-nelayan seperti ini bukan sahaja terjadi dalam kawasan saya bahkan saya percaya di kawasan-kawasan yang lain, saya berharap supaya pihak yang berkenaan dapat mengambil satu tindakan yang wajar supaya perkara ini tidak akan berlaku pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh atau menerangkan di sini bahawa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia adalah satu ucapan yang begitu bernas dan menaikkan imej negara kita. Saya suka hendak menyentuh di sini iaitu kepada saudara-saudara kita, pihak pekerja-pekerja, saya

bersimpati dengan tuntutan-tuntutan mereka terutama tuntutan-tuntutan kenaikan gaji dan keadaan bekerja yang lebih baik tetapi . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya rasa ada lebih baik Ahli Yang Berhormat mengulung ucapan itu kerana masa sudah sampai.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Ya. Saya berharap tuntutan itu tidaklah akan menyentuh ataupun kepentingan-kepentingan negara sebagaimana kejadian-kejadian yang lalu. Saya yakin dan percaya Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dan Kerajaan kita sentiasa membukakan pintu perundingan asalkan desakan itu menasabah dan patut ditimbang.

Akhirnya, saya suka hendak menyentuh dalam bidang kesihatan. Saya juga berterima kasih

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya rasa masa sudah cukup!

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Kepada Kementerian Kesihatan yang telah dapat menghapuskan kejadian demam denggi di kawasan saya. Apa yang saya kehendaki iaitu penyegeraan pembinaan Hospital Daerah Batu Pahat dan begitu juga pembinaan Pejabat Pos di Batu Pahat yang menjadi desakan dan rayuan penduduk-penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tak mengizinkan, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya akhiri dengan mengucapkan sekali lagi terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Persidangan Parlimen Yang Keempat ini.

6.47 ptg.

Dr Ling Liong Sik (Mata Kuching): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya juga mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana baru dilantik di atas kerusi yang besar dan elok sekali. Sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya mohon izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam sehari dua ini bolehlah saya izinkan.

Dr Ling Liong Sik: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I wish to touch on a few points here today, firstly, on the topic of poverty. Poverty, Mr Speaker, Sir, is a commodity that is not the prerogative of any one race in this country. All races in Malaysia have their vast majorities of poor. In short, I believe that the Barisan Nasional Government, in dealing with the poor, will not recognise the word "race". The problems of rural poverty and the upliftment of the rural poor are receiving the attention of Government and must continue to receive the untiring attention and efforts of our Government. The problems of poor seeds, poor crops, the lack of fertilizers, the rising prices, poor health conditions, absentee landlordism and landless farmers must continue to receive our efforts and ingenuity in order for them to be overcome.

The problems of urban poverty are equally immense, and I would humbly beg this House today to consider a few suggestions. I believe that we must re-orientate and redirect many of our national funding exercises to give more direct benefits to the poor. I wish to refer this evening more specifically to hawkers in urban areas. Hawkers and hawking will be a very common feature to the urban Malaysian way of life for a long time more to come. They also form a very basic component of the urban poor and they comprise all races. In wanting to deliver more direct benefits to them, I would humbly suggest this evening two ways.

Firstly, the question of hawkers' complexes. I have three reasons why I suggest we should have hawkers' complexes in the urban areas. Firstly, this would lend dignity to the hawker and his trade. With a roof over his head he can work in rain or in sunshine. This would be a vast improvement on his present conditions of service of living which has not changed actually since pre-Merdeka days where he has to peddle his wares in the hot sun or in the storming rain. The second reason is that hawkers' complexes would also permit the authorities concerned to provide the basic fundamental facilities of tap water, drains and facilities for proper refuse disposal. The third reason is that these complexes, I feel, should be multi-racial in character as they will then provide focal points for multi-racial interaction between hawker and hawker, customer and hawker, and customer and customer of all races where

they meet. This I believe will help blur the lines dividing our races and also lessen the intensity of various hidden presumptions by the process of simple exposure, one to another.

I sincerely hope, Mr Speaker, Sir, that this suggestion would be given some consideration in the deliberations of the National Council for Local Government and that land and funds could be found in all towns in Malaysia where we could build these focal points for multi-racial interaction.

The second proposal that I humbly suggest tonight is that Government should think in terms of direct benefit to the poor in terms of possibly loans to the poor. We must realise that many hawkers and petty traders of all races have been wallowing in poverty for many years being unable to lift themselves out of the rut. Government, I feel has a responsibility to give them help. I hope very fervently that in the near future, we will see an Agency created which will give loans to the deserving urban poor on easy terms of repayment to help lift them above the poverty threshold. We must realise that giving the poor indirect and intangible benefits like electricity, water, hospitals and roads are although very important but they are insufficient to lift them above the poverty threshold. We must actually today embark on a programme of more direct and tangible benefits for the urban poor in order that they may feel for themselves the benefits of independence. Otherwise, I dare say that quite a sizeable portion of our people will continue with the impression that independence and its benefits have passed them by. I sincerely hope, Mr Speaker, Sir, that more energy and funds will be channelled into this task.

I recently had the opportunity of meeting certain representatives of the Persatuan Pembalak Pantai Timur (The East Coast Loggers Association) and I have had the opportunity to hear some of their difficulties of which I hope the relevant Ministries, especially Transport and Works and Home Affairs, will kindly take note.

Loggers from their Association own timber lorries which carry logs from all over the East Coast to Kuala Lumpur and *vice versa*. Most of these timber lorries are permitted by the Road Transport Department to carry 18 tons, and they are paying road tax according to this tonnage. However, it is interesting that

the permissible tonnage along the roads they travel is only 13 tons. This was enforced in 1966, i.e. eight years ago. I hear that the roads have been since improved tremendously over the last 8 years and the restriction to this 13 tons is outdated. Timber lorries of late have been very frequently harassed by Police and Road Transport officials and in view of the timber slump today, I hope that the authorities concerned will carry out a speedy review of these outdated laws and investigate further into the conditions of the roads to see if they could be considered as roads suitable for 18-ton lorries.

Finally, Mr Speaker, Sir, on inflation and the coming world recession, we have all heard many prophets in this House these few days—some very realistic in their approach, some still unrealistically trying to make political capital out of an unavoidable world situation. However, I feel, Mr Speaker, Sir, that today we have reached a stage in world trends that is beyond our immediate control. I also believe that the time has come where responsibility, maturity and restraint on all sides have to be shown, both on the part of employees and employers, producers and consumers, and Government and Opposition. We have all reached a stage where together we have to tighten all our belts. From my understanding of the issue, world leaders should have learnt from the events of the 1930s and should be in a better position today to try to avoid the tragedies of those terrible years. We will have to live, however, with this phenomenon for some time and I am hopeful that all right-thinking Malaysians will rise to the occasion.

Finally, Mr Speaker, Sir, I wish to support again the Motion by Yang Berhormat Datuk Stephen Yong Kuet Tze to thank His Majesty the Yang di-Pertuan Agong for his Gracious Speech.

6.57 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul Ucapan Terima Kasih kepada Ke-

bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan dalam Majlis ini kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menitikberatkan berbagai-bagai perkara dan di dalamnya juga telah memberi ucapan tahniah kepada beberapa orang yang berkenaan termasuk kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, juga kepada kita sebagai wakil-wakil rakyat. Di atas ucapan tahniah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, ini amatlah kena pada tempatnya. Ucapan tahniah ini bukanlah sahaja saya telah mendengar di Dewan yang mulia ini bahkan kita telah mendengar dari segenap pelusuk manusia yang berperasaan waras yang tahu bertimbang rasa dan yang tahu menilai yang buruk dan yang baik tetap menentukan bahawa yang baik itu tetap baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita menyatakan bahawa di negeri saya sendiri iaitu Perlis bukan sahaja rakyat ataupun pegawai-pegawai Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun di atas pimpinannya yang baik bahkan termasuk Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis sendiri bukan sahaja di dalam ucapan yang bertulis sebagai Titah Ucapan di-Raja bahkan di dalam ucapan-ucapan yang tidak rasmi seperti baru-baru ini saya ada sama hadir di dalam sebuah masjid bersembahyang Hari Raya Aidil Fitri di mana Tuanku bertitah: "Kita patut mencontohi, patut mendengar segala pesan-pesanan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak." Walau kita tahu ada diantara golongan-golongan yang menafikan ataupun yang menidak-nidakkan kebenaran dan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tun bersama-sama dengan rakan-rakannya di dalam Barisan Nasional, tetapi kita sama-sama maklum sudah menjadi adat kepada dunia bahawa sebaik-baik orang

sekali pun, tidak dapat tidak ada halangan-halangan dan cacian-cacian yang ditujukan oleh setengah-setengah golongan yang tidak setuju. Kalau tidak, masakan alam ini baik, ada manusia yang mengkhianati.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan di atas apa yang dibuat oleh Kerajaan hari ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun, saya amatlah mengucapkan terima kasih. Walaupun begitu, ada

beberapa perkara yang saya ingin memberikan pendapat dan syor untuk kebaikan kita bersama

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapannya pada hari esok.

Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 hari esok, 8hb November, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.